# ELIT PARTI POLITIK

(Satu Kajian Kes di Kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Terengganu, Kawasan Binjai)

MAZLAN BIN SALLEH

No. matrik; 39138

Latihan Ilmiah,

Bagi memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-Syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

Sesi 1983/84.

University of Malaya

**SECEBIS KENANGAN**

**....Buat Ibu, Keluarga & INA....**

**"...Biar seribu tahun memutih rambutku, kasih dan ingatanku tetap seputih salju........"**

University of Malaya

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Pengasihani,

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini walaupun menghadapi banyak masalah.

Pada kesempatan yang baik ini, saya ingin mengucapkan terimakasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Hussain Mohamad yang telah banyak meluangkan masa dan tenaga untuk memberikan nasihat, panduan dan tunjuk ajar yang amat bernilai kepada saya. Tanpa pertolongan beliau, amatlah sukar bagi saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada;

i) Yang Berhormat, Encik Muda bin Mamat, Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu, Kawasan Binjai kerana telah benyak memberikan kerjasama untuk latihan ilmiah ini.

ii) Encik Abdul Wahab Salleh, Naib Yang Di Pertua PAS Bahagian Hulu Terengganu yang juga telah memberikan kerjasama yang baik.

iii) Ustaz Ghazali Haji Ahmad, Pegawai Perhubungan PAS Negeri Terengganu yang mana dengan pertolongan beliau, maklumat-maklumat untuk latihan ilmiah ini dapat diperolehi dengan senang.

iv) Pegawai-pegawai dan petugas-petugas di Pejabat UMNO Binjai Rendah dan di Pejabat UMNO Kuala Berang serta

Pegawai-pegawai di Pejabat Perhubungan PAS Negeri Terengganu di atas kerjasama mereka yang amat saya hargai.

v) Tidak lupa juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga serta rakan-rakan seperjuangan saya yang telah memberikan berbagai pertolongan dan galakan sehingga selesainya penulisan latihan ilmiah ini dengan jayanya terutama sekali kepada saudari Ramlah Abdul Rahman yang telah menaipkan latihan ilmiah ini.

vi) Akhir sekali, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada sesiapa jua yang telah memberikan pertolongan kepada saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Semoga segala pertolongan yang diberikan akan mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah s.w.t.

Terimakasih.

No. matrik; 39138,
Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Lembah Pantai,
Kuala Lumpur.

15 Januari 1984.

University of Malaya

SINOPSIS

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, telah berlaku perubahan besar dalam politik Malaysia khususnya di Terengganu. Kebangkitan semula Parti Islam Se Malaysia (PAS) di bawah pimpinan golongan muda telah menghangatkan lagi suasana percaturan politik di negara ini, khususnya selepas PAS tidak lagi menjadi anggota komponen Barisan Nasional. Di Terengganu, segolongan elit PAS telah mewujudkan satu suasana baru dalam perjalanan politik negeri tersebut dan di Malaysia amnya dengan isu-isu yang baru dan lebih sensitif dari isu-isu sebelumnya. Akibatnya, timbul berbagai-bagai implikasi samada positif dan juga negatif akibat pertentangan dengan elit UMNO.

Tumpuan kajian ini di Kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri,Binjai sebagai sample adalah diharapkan dapat mewakili kawasan-kawasan lain di Terengganu yang kini sedang menghadapi pergolakan dalam segenap aspek kehidupan akibat krisis politik yang melanda masyarakat di negeri itu. Dalam kata lain, krisis politik di antara PAS dengan UMNO bukan sahaja konflik parti dengan parti malah turut melibatkan aspek-aspek kehidupan yang lain.

Pendokong utama dalam pergolakan di atas ialah golongan elit dari kedua-dua parti PAS dan UMNO. Kedua-dua golongan amat berpengaruh bukan sahaja dalam aspek politik malah dalam bidang sosial, ekonomi dan keugamaan. Dengan

sokongan kuat dari penyokong masing-masing yang kadangkala jauh terpesong dari tujuan berpolitik yang sebenarnya, kedua-dua golongan sering menyalahkan golongan yang satu lagi bertanggong jawab terhadap konflik yang berlaku. Suasana konflik menjadi bertambah tegang apabila ada di antara penyokong-penyokong yang hanya memberikan sokongan secara membuta-tuli tanpa memahami dasar perjuangan parti yang mereka ikuti di-api-apikan lagi oleh dua golongan dengan isu-isu yang sensitif. Sebenarnya, inilah punca utama konflik yang berlaku tersebut.

Di akhir kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pihak-pihak yang terlibat umtuk menyelesaikan konflik di atas. Sesungguhnya, amatlah wajar langkah-langkah segera diambil dengan penuh rasa tanggong jawab dan keinsafan untuk mewujudkan semula keharmonian bermasyarakat yang pernah di-kecapi sebelum ini.

University of Malaya

Lampiran

KEDUDUKAN KAWASAN PILIHANRAYA DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU, KAWASAN BINJAI.




Sumber; Report of The Election Commission of The Delimitation of Constituencies- Kuala Lumpur, 1958.

University of Malaya

**DAERAH-DAERAH MENGUNDI DALAM BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI, BINJAI.**




Sumber; Jabatan Ukur, Terengganu.

University of Malaya

| JADUAL | MUKA SURAT |
| --- | --- |

Jadual I

"Keputusan Pilihanraya DUN Terengganu ...25

Jadual II

"Carta Pengundi dan Cawangan Parti, Dalam Pilihanraya Kecil 1982 ...26

Jadual III

"Senarai ADUN Kawasan Binjai, 1958-1982 ...27

Jadual IV

"Biodata Encik Muda Mamat, calon BN ...34

Jadual V

"Senarai Projek-Projek Kecil Kawasan Pilihanraya DUN Binjai, 1981 ...37

Jadual VI

"Isu-Isu Pilihanraya di Kawasan Binjai ...48

Jadual VII

"Beberapa Siri Ceramah Dalam Kempen Pilihanraya Kecil, Binjai ...49

Jadual VIII

"Penglibatan Sosio-Ekonomi Pemimpin Politik Binjai ...70

Jadual IX

"Cawangan UMNO Dalam Kawasan DUN Binjai ...74

Jadual X

"Cawangan PAS Dalam Kawasan Binjai ...75

Jadual XI

"Struktur Peringkat Cawangan, PAS Dan UMNO Di Kawasan Binjai ...76.

University of Malaya

ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT.


| | |
|---|---|
| Kandungan | ii |
| Penghargaan | iii |
| Sinopsis | v |
| Peta dan senarai jadual | vii-ix |
| BAB 1 | |
| - Bidang dan tujuan kajian | 1 |
| - Cara kajian | 2 |
| - Masalah metodologi | 5 |
| - Konsep-konsep yang digunakan | 6 |
| - Kepentingan kajian | 10 |
| BAB 2 | |
| - Terengganu secara umum | 12 |
| - Pekerjaan | 13 |
| - Dasar dan strategi pembangunan | 14 |
| - Petrolium | 15 |
| - Politik | 16 |
| - Binjai; latar belakang politik | 17 |
| - Kemudahan asas | 18 |
| - Binjai; sejarah politik dan pilihanraya | 20 |
| BAB 3 | |
| - Kepimpinan politik PAS dan UMNO Binjai | 28 |
| - Corak kepimpinan PAS | 29 |
| - Corak kepimpinan UMNO | 31 |
| - Hubungan kekeluargaan di antara elit PAS dengan elit UMNO di Binjai | 32 |
| - En. Muda Mamat, isu-isu dalam kempen pilihanraya UMNO | 33 |


University of Malaya

ISI KANDUNGAN MUKA SURAT.

- Konflik PAS-UMNO 36
- Penyelesaian konflik PAS- UMNO 39
- Perjumpaan dengan penduduk setempat dan cara mengekalkan pengaruh politik 42
- Cita-cita politik masa depan 44
- Tokoh PAS Binjai 50
- Dasar perjuangan dan isu-isu PAS 51
- Haji Abdul Hadi; kepimpinannya dalam PAS 56
- Strategi PAS 57
- Perpecahan kepimpinan PAS 60
- Kemenangan UMNO 61
- Kesan kepimpinan PAS dan UMNO di Binjai 62
- Kesimpulan 65

BAB 4

- Penglibatan Sosio-ekonomi pemimpin politik di Binjai 66
- Cawangan UMNO dan PAS di Binjai 71
- Struktur dan organisasi cawangan PAS dan UMNO di Binjai 72

BAB 5

- Kesimpulan dan rumusan 77
- Penutup 79

BIBLIOGRAFI 80

BIOGRAFI RESPONDEN 85.

University of Malaya

BAB 1

BIDANG DAN TUJUAN KAJIAN

Skop kajian ini adalah mengenai 'Elit Parti Politik' di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), Binjai. Dua golongan elit parti politik yang dikaji ialah dari Parti Islam Se Malaysia (PAS) dan elit United Malays National Organization (UMNO). Kedua-dua golongan elit di atas muncul di Terengganu sejak pilihanraya 1954 di mana kedua-dua parti tersebut mula meletakkan calon masing-masing di Terengganu.

Dalam pilihanraya seterusnya, kedua-dua elit parti politik berkenaan bersaing hebat untuk merebut kerusi DUN, kawasan Binjai. Keputusan pilihanraya menunjukkan, parti PAS berjaya memenangi kerusi Binjai sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1959 dan 1969. Pilihanraya-pilihanraya yang lain iaitu pada tahun 1964, 1974, 1978, 1982 dan Pilihanraya Kecil 1982 yang lalu telah dimenangi oleh pihak UMNO. Walaupun keputusan ini menunjukkan bahawa elit UMNO lebih berjaya, tetapi kriteria ini bukanlah satu ukuran yang tepat untuk mengukur kekuatan PAS dan UMNO di Terengganu amnya. Kedua-dua parti tersebut, mendapat sokongan yang kuat dari rakyat. Masing-masing parti mengakui kekuatan parti lawan. Keputusan-keputusan pilihanraya yang lepas menunjukkan, kalaupun sesebuah parti mencapai kemenangan tetapi jumlah kelebihan undi amatlah kecil. Oleh yang demikian, kekuatan dan pengaruh kedua-dua parti tersebut boleh dikatakan seimbang.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti segala bentuk budaya politik yang melibatkan elit parti politik. Tumpuan utama akan diberikan kepada aktiviti-aktiviti politik mereka di samping penglibatan mereka dalam bidang sosio-ekonomi serta apakah implikasi yang timbul dari penglibatan mereka dalam aspek-aspek tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang memungkinkan kemunculan elit kedua-dua parti tersebut samada kerana faktor warisan(ascribe) ataupun kerana faktor 'achievement' mereka sendiri.

Selain dari itu, kajian ini juga akan cuba mengesahkan teori yang mengatakan "elit politik adalah juga elit ekonomi". Kaitan kedua-dua elit ini telah ditegaskan oleh Mills bahawa "syarikat-syarikat yang besar adalah dimonopoli oleh bidang-bidang atau institusi politik dan ketenteraan" . (I)

Geraint Parry juga turut menyenaraikan beberapa bidang lain yang diceburi oleh elit parti politik iaitu bidang perniagaan, persatuan, ketenteraan dan pentadbiran. (2). Kenyataan di atas menunjukkan adanya hubungan di antara bidang politik dengan bidang-bidang lain. Oleh sebab itulah kajian ini juga akan turut menganalisa aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi elit politik untuk melihat sejauhmanakah kebenaran teori tersebut dalam kontek kajian ini.

---

(I) Mills,C. Wright, <u>The Power Elite</u>, N. York, Oxford Uni. Press, I967. Hal. 6.

(2) Geraint,Parry, <u>Political Elite</u>, London, G. Allen& Unwin Ltd. I969, hal I

\- H. D. Laswell, <u>The Political Writings</u>, Connecticut, Greenwood, I95I.



University of Malaya

CARA KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di antara bulan mac hingga april I983, kira-kira satu bulan dengan menggunakan kaedah-kaedah berikut;

(i) Pemerhatian (Observation)

Cara ini digunakan di peringkat awal kajian di mana pengkaji berpeluang mengikuti beberapa siri ceramah yang dianjurkan oleh kedua-dua parti PAS dan UMNO sebagai kempen untuk parti masing-masing.

(ii) Penyertaan Pemerhatian (Participant Observation)

Kaedah ini dapat diapplikasikan dengan lebih efektif semasa demam pilihanraya iaitu beberapa hari sebelum pilihanraya dijalankan. Pengkaji berkesempatan mengunjungi beberapa buah markas PAS dan UMNO yang banyak didirikan menjelang pilihanraya. Ketika inilah pengkaji bukan sahaja berpeluang memerhatikan bagaimana kedua-dua elit parti berkenaan bertindak mengatur strategi pilihanraya masing-masing, malah pengkaji juga berpeluang memperolehi lebih banyak maklumat mengenai elit politik yang terlibat dalam pilihanraya tersebut. Pengkaji juga berkesempatan menyertai aktiviti-aktiviti untuk menghadapi pilihanraya seperti menyediakan kelengkapan markas dan menampal poster-poster pilihanraya.

(iii) Temubual formal dan tidak formal

Temubual secara formal diadakan selepas dibuat 'appoinment' dengan calon-calon dari kedua-dua parti politik dan juga dengan orang-orang yang mempunyai hubungan dengan parti tersebut. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak berpeluang mengunjungi rumah elit tersebut kerana mereka lebih suka temubual itu diadakan di pejabat mereka.



University of Malaya

Dalam hal ini, pengkaji lebih beruntung kerana segala catitan dan data-data penting mengenai parti ada tersimpan di pejabat mereka dan membolehkan 'data gathering' dijalankan serentak.

Temubual secara tidak formal sempat dilakukan dengan kira-kira dua puluh orang anggota parti yang kebanyakannya ditemui di pejabat dan di markas-markas parti tersebut. Walaupun ada di antara temubual tersebut agak ringkas, namun ianya sedikit sebanyak memberi pengetahuan dan maklumat yang berguna untuk kajian ini.

(iv) Penyelidikan Perpustakaan (Library Research)

Kaedah ini dijalankan dengan menganalisa buku-buku akademik, keratan-keratan akhbar tempatan, majalah-majalah luar negeri serta terbitan rasmi oleh pihak kerajaan. Kaedah ini amat berkesan kerana pengkaji berkesempatan mengumpulkan maklumat mengenai kajian ini terutamanya mengenai pengertian dan konsep elit.

Keempat-empat kaedah kajian di atas telah dapat diapplikasikan di dalam kajian ini. Ternyata, temubual secara formal merupakan cara paling berkesan untuk mengumpulkan maklumat. Melalui cara ini, 'first hand informations' dapat diperolehi dari responden sendiri. Library Research juga tidak kurang pentingnya kerana telah memberikan banyak maklumat untuk kajian ini.



University of Malaya

Meskipun begitu, terdapat bias dalam laporan majalah-majalah dan juga terbitan rasmi kerajaan terhadap satu-satu elit dari parti politik tertentu. Oleh yang demikian, pengkaji terpaksa berhati-hati dan berusaha mewujudkan' value free ' supaya tidak terpengaruh dengan laporan-laporan tersebut.

MASALAH METODOLOGI

Beberapa masalah dihadapi dalam usaha menyiapkan kajian ini samada di segi teori mahupun praktikal.

Masalah teori yang utama ialah tidak adanya kesatuan pendapat yang dapat menunjukkan apa yang sebenarnya yang dimaksudkan dengan elit politik. Pengkaji-pengkaji yang lepas tidak memberikan satu definisi yang sempurna mengenai elit politik. Geraint Parry sendiri mengakui fakta ini. Beliau berkata "It is hard to find right definition".(4) Walau bagaimanapun, kesukaran untuk memperolehi makna yang tepat mengenai elit politik dapat diatasi dengan menerima pendapat R. O. Tilman di mana elit politik ialah mereka yang terpileh sebagai wakil rakyat. Definisi inilah dirasakan paling relevent dengan kajian ini.

Masalah praktikal yang utama pula ialah kesukaran untuk mendapatkan kerjasama dari pihak-pihak yang terlibat. Contohnya, ada diantara responden yang ditemui bukan saja enggan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan malahan langsung tidak mahu melayani kehadiran pengkaji. Untuk mengatasi masalah ini pengkaji terpaksa menemui responden-responden lain untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan untuk kajian ini.

(4) Geraint, Parry, ibid, Hal. 13



University of Malaya

Keengganan untuk memberikan kerjasama ini mungkin timbul kerana salah faham responden terhadap tujuan kajian kerana soal-soal politik di Terengganu semasa kajian ini dijalankan amat sensitif. Walau bagaimanapun, masalah praktikal ini dapat diatasi apabila responden-responden utama iaitu elit parti politik PAS dan UMNO memberikan kerjasama yang baik kepada pengkaji walaupun sibuk dengan tugas masing-masing.

Masalah juga dihadapi oleh pengkaji dalam menganalisa bahan-bahan terbitan oleh pihak kerajaan kerana isi kandungan bahan-bahan terbitan tersebut kurang tepat dengan apa yang sebenarnya. Oleh yang demikian, pengkaji menghadapi masalah untuk memilih di antara fakta yang benar dengan fakta yang palsu.

KONSEP ELIT

Oleh kerana kajian ini mengenai elit politik, maka adalah sesuai kiranya konsep dan definisi elit politik itu difahami terlebih dahulu. Laswell berpendapat, "the study of politic is the study of influence and the influential ........., the influential are those who get the most of what there is to get. Available values maybe classified as deference, income, safety. Those who get the most are elite, the rest are mass. (5) Dari pendapat ini dapat dikatakan bahawa, elit adalah golongan yang berpengaruh dan golongan yang paling banyak memperolehi value yang terdapat didalam masyarakat (deference, income, safety) melebihi rakyat biasa atau golongan massa.

---

(5) Laswell, Harold E, Politicial writings, Greenwood Press, Connecticut, 1951, hal 295

University of Malaya

R. O. Tilman pula mendefinisikan elit politik sebagai "individual or group clustured within or around the structures of government who are able to exert the influence disproportionate to their numbers in the formulation and implementation of the government politics. (6).
Berdasarkan definisi diatas, setengah-setengah pengkaji elit berpendapat bahawa, elit politik ialah semua orang yang dipilih sebagai wakil rakyat.( 7).

Ada beberapa cara untuk seseorang mencapai status elit didalam mana-mana masyarakat saperti fighting skills,skills in political organization,specialization and personality. (8).
Pengkaji-pengkaji elit klasik saperti Mosca berpendapat, elit muncul tidak melalui proses pilihanraya tetapi melalui proses revolusi, saperti mana kemunculan pemimpin-pemimpin Bolshevik di Russia. Cara lain yang memungkinkan kemunculan elit ialah melalui warisan (ascribe) saperti dalam masyarakat India yang mengamalkan sistem Kasta di mana status elit seseorang adalah diwarisi dari ibu bapa atau keluarga mereka.

Walaubagaimana pun, pengkaji-pengkaji elit moden lebih mementingkan bakat dan ' achievement' serta keadaan semasa dalam menentukan kemunculan elit. Secara ringkas, dapatlah dikatakan faktor-faktor diatas berperanan memunculkan golongan elit dalam sesebuah masyarakat.

---

(6) R.O. Tilman, Bureaucratic Transition in Malaya, hal. 347.

(7) ----------, ibid.

(8) Op. cit., Laswell , hal. 297 - 303.

Menurut R.O. Tilman dalam kajiannya mengenai elit di Malaysia, beliau mengatakan terdapat empat jenis golongan elit di negara ini iaitu elit politik, elit birokrat, elit tentera dan elit simbolik (Yang Di Pertuan Agung dan sultan negeri-negeri). Keempat-empat golongan elit ini sering mempunyai perkaitan affinal antara satu sama lain.(9). Geraint Parry juga telah membuat beberapa penjenisan terhadap golongan elit (type of elite). Empat jenis elit yang dikemukan oleh beliau ialah elit politik, elit tentera, elit perniagaan dan elit birokratik.(10). Ternyata, penjenisan di atas sama saperti yang dibuat oleh R.O. Tilman.

Untuk menjelaskan kedudukan elit politik di dalam masyarakat, Paretto menyatakan bahawa, dalam mana-mana masyarakat terdapat dua lapisan iaitu " a lower stratum iaitu golongan bawahan atau bukan elit dan tidak berpengaruh. Satu golongan lagi ialah " a Higher stratum iaitu golongan elit yang berkuasa. Golongan elit yang berkuasa ini pula dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu elit pemerentah (governing elite ) dan elit bukan pemerentah (non governing elite). (11).'Governing elite' lebih berfungsi dalam aspek politik dan golongan inilah yang dinamakan elit politik. Sementara itu, 'non-governing elite' adalah elit dalam bidang-bidang lain saperti dalam aspek ekonomi, sosial serta keugamaan.

---

(9) Op. cit. Tilman , hal 347.

(10) Op. cit. Geraint Parry hal. 68

(11) Lihat Bottomore, <u>Elite & Society, London, C. A. Watts, 1964</u>.

Mosca pula melihat masyarakat melalui pembahagiannya kepada dua kumpulan iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. " in all societies....... two classes of people appear- a class that rules and a class that is ruled. The first class always the less numerous, performs all political functions, monopolizes power and enjoys the advantages that power brings, whereas the second, the more numerous class is directed and controlled by the first". (12). Apa yang jelas ialah, Paretto melihat penyusunan masyarakat melalui dua golongan iaitu golongan yang berkuasa dan golongan yang tidak berkuasa. Sementara itu pula, Mosca membuat pembahagian yang sama iaitu masyarakat terdiri dari dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah.

Di segi pembahagian kuasa pula, elit boleh didefinisikan sebagai "those with most power in a group, mid elite less power and mass least power". (13). Dari definisi diatas dapat dilihat ciri-ciri elit politik iaitu;

i) berpengaruh

ii) mendapat status yang tinggi di kalangan masyarakat

iii) Mempunyai kuasa di dalam membuat keputusan.

---

(12) Robert D. Putnam, The Comparative Study of Political Elites, Englewood Cliff, N. J. Prentice- Hall, 1976.

(13) Op. cit, Tilman, hal. 347.



University of Malaya

Berdasarkan ciri-ciri di atas, satu rumusan dapat dibuat bahawa dalam kontek kajian ini, elit pilitik adalah wakil-wakil rakyat. Oleh sebab itu, responden-responden penting dalam kajian ini adalah wakil-wakil rakyat PAS dan UMNO serta tokoh-tokoh politik yang dikira penting bagi kedua-dua parti tersebut.

KEPENTINGAN KAJIAN

Beberapa kajian mengenai elit politik telah dijalankan samada di dalam dan di luar negeri, seperti kajian oleh R. O.Tilman dan juga oleh Ibrahim Haji Abdullah ( Jabatan Sosiologi dan Antropologi, Universiti Malaya, 1974/75) yang bertajuk "Elit Politik dan Elit Ekonomi di Kelantan". Kajian-kajian di atas ternyata melibatkan aspek politik dan ekonomi sahaja tanpa merujuk kepada kes-kes tertentu. Oleh yang demikian, adalah dirasakan perlu dibuat kajian ke atas pergolakan politik di Terengganu dengan merujuk kepada pergolakan yang sedang berlaku di sana.

Kepentingan kajian ini dirasakan lebih menonjol keranaianya dijalankan dalam suasana pilihanraya peringkat kebangsaan 1982 dan pilihanraya kecil 1982 di Binjai. Kedua-dua pilihanraya tersebut memberi peluang yang baik kepada pengkaji untuk menemui wakil rakyat atau golongan elit dari PAS dan UMNO. Ternyata situasi begini amat sesuai untuk membuat kajian ini. Di samping itu juga, kajian ini berkepentingan untuk melihat pergolakan politik dan implikasinya ke atas aspek sosial dan

keugamaan di Terengganu. Sehingga kajian ini selesai ditulis, pergolakan di antara PAS dan UMNO dengan penyokong masing-masing masih berterusan.

Pertelingkahan di antara PAS dengan UMNO di Terengganu telah mendapat perhatian utama sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Akhbar-akhbar tempatan tertentu mendakwa, PAS Terengganu dipimpin oleh satu golongan elit 'radikal fundamentalis' yang amat berlawanan dengan pucuk pimpinan PAS veteran yang lebih liberal. Konflik PAS dengan UMNO menjadi semakin hebat apabila ianya bukan sahaja melibatkan golongan elit kedua-dua parti malah penyokong kedua-dua parti turut terlibat. Sehubungan dengan hal ini, kajian ini juga akan melihat isu-isu konflik, proses perjalanan konflik dan implikasi yang timbul dari konflik tersebut.

Oleh kerana kajian ini dijalankan dalan suasana pilihanraya, beberapa insiden yang dirasakan boleh mendatangkan kesan kepada kedua-dua parti telah berlaku. Elit PAS dikatakan dilanda dengan masalah perpecahan dalam kepimpinan, sementara elit UMNO pula mendapat kekuatan baru dengan kemasukan tokoh yang terkenal ke dalam parti tersebut. (14)

---

(14) Kemasukan Presiden Angkatan Belia Malaysia (ABIM), Encik Anwar Ibrahim ke dalam UMNO (Barisan Nasional) telah menguatkan lagi kedudukan UMNO di negara ini berserta isu-isu Bank Islam dan Universiti Islam untuk menghadapi pilihanraya.

BAB 2.

## TERENGGANU SECARA UMUM

Terengganu adalah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timor Semenanjong Malaysia Barat di antara garis lintang $3^{o}$- $6^{o}$ keutara dan garis bujur $103^{o}$-$104^{o}$ ke timor. Ia meliputi kawasan seluas 5005 batu persegi.

## PENDUDUK

Menurut banci tahun 1970, jumlah penduduk Terengganu ialah seramai 405,369 orang. Dalam banci 1980 pula, penduduk negeri ini berjumlah 541,250 orang. Ini menunjukkan kadar pertambahan penduduk ialah 2.9% setahun. Lapuran banci 1970 juga mencatatkan, kira-kira 93.6% daripada jumlah keseluruhan penduduk adalah orang Melayu, 5.6% kaum China, 0.7% kaum India dan 0.1% lagi ialah lain-lain bangsa.

## EKONOMI

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Negeri Terengganu telah meningkat dari $249.1 juta pada tahun 1970 kepada $737 juta pada tahun 1980. Pertambahan KDNK sebanyak 19.5% dalam masa 10 tahun bermakna purata pertambahan tahunan ialah pada kadar 1.06% . KDNK ini dijangka akan meningkat kepada $1,333 juta pada tahun 1985.

Sumbangan utama KDNK ialah dari sektor utama(pertanian,perhutanan, dan perikanan) iaitu sebanyak $1008 juta(41%) pada tahun 1970. Tetapi sumbangan sektor ini menurun kepada 32% pada tahun 1980 dan dijangka menurun lagi kepada 25% pada tahun 1985. Sumbangan dari sektor perlombongan dan kuari adalah sebanyak 14% (1970) dan dijangka menjadi 18% (1985).

---

( 15) Kemajuan Negeri Terengganu, 1976-1980, Kum Printers Sdn. Bhd. P. J. Selangor, 1980, hal. 26.



University of Malaya

PEKERJAAN.

Bagi tahun 1980, jumlah pekerjaan adalah sebanyak 192.583 di mana 52.2 % berada dalam sektor utama. ( pertanian, perhutanan dan perikanan), 14 % di sektor pembuatan dan 7.7 % di sektor perkhidmatan kerajaan.

Jumlah pekerjaan yang dijangkakan bagi tahun 1985 adalah sebanyak 239,573 di mana 45.8 % darinya berada di sektor utama, 18.7 % di sektor pembuatan dan 7 % di sektor perkhidmatan kerajaan. Tambahan pekerjaan yang dijangkakan bagi tempoh 1980 - 85 adalah sebanyak 46,990 iaitu pertambahan sebanyak 24 % pada tempoh tersebut.



University of Malaya

DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN.

Motif pembangunan sosio-ekonomi Negeri Terengganu adalah selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk menyusun semula struktur masyarakat dan membasmi kemiskinan. Untuk tujuan tersebut menjelang 1990, dasar pembangunan yang dijalankan ialah:-

i) Mewujudkan keadaan gunatenaga yang menyeluruh.

ii) Menambahkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) perkapita bagi Negeri Terengganu dengan lebih saksama dan membantu golongan rakyat yang kurang mampu.

Selaras dengan dasar yang kedua diatas, keutamaan adalah diberi kepada projek-projek yang dapat meningkatkan pendapatan rakyat. Contohnya, Kerajaan Negeri Terengganu telah membuka tanah-tanah baru di bawah projek Ketengah dan lain-lain tanah baru dengan kerjasama ajensi-ajensi kerajaan saperti Felda, Felcra dan Risda.

PETROLIUM

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Terengganu memperolehi hasil yang lumayan dengan penemuan minyak dari dasar lautnya, lantas digelar "Kuwait Malaysia". Emas hitam ini telah memberikan KDNK sebanyak $878 juta (anggaran tahun 1982). Jumlah ini meletakkan Terengganu sebagai sebuah negeri yang terkaya di Malaysia sekarang.(16)

Apa yang menarik perhatian ialah,penemuan minyak dari perut bumi Terengganu bukan sahaja telah mengubah corak pembangunan sosial dan ekonomi, malah perubahan politik turut berlaku. Dalam kontek kajian ini, yang dimaksudkan perubahan di segi politik ialah kebangkitan PAS dan serentak dengan itu berlakulah pergeseran di antara PAS dengan UMNO. Penemuan sumber minyak telah mengalih pandangan PAS untuk merampas Terengganu.(17). Selaras dengan dakwaan ini, pihak PAS pula telah menunjukkan kesungguhannya dalam perjuangan mereka di Terengganu dengan membentuk "kabinet bayangan" menjelang pilihanraya kebangsaan 1982, sebagai persediaan untuk mentadbir sekiranya mereka berjaya untuk menguasai Terengganu. (18).

---

(16) Utusan Malaysia, Interview khas oleh Rosnah Abdul Majid dengan Menteri Besar Terengganu,"Memburu Emas Hitam di Terengganu Atas Nama Jihad", Isnin, 6 Dec. 1982.

(17) Ibid.

(18) Op. cit.



University of Malaya

POLITIK

Seperti yang diketahui umum, Terengganu mengalami pergolakan dan pergeseran politik yang hebat iaitu di antara PAS dengan UMNO. Hingga ke saat kajian ini ditulis, kesan daripada pergeseran tersebut amat terasa di mana-mana di Negeri Terengganu. PAS di Terengganu yang didakwa oleh pihak akhbar dipimpin oleh golongan fundamentalis yang radikal telah mengeluarkan isu-isu sensitif yang mendedahkan kepincangan dalam pentadbiran kerajaan Negeri Terengganu khususnya.(19)

Implikasi daripada pergeseran tersebut bukan sahaja telah melahirkan isu-isu sensitif malah telah mengheret kedua - dua parti PAS dan UMNO di Terengganu ke dalam satu pergeseran elit dengan elit di samping pertelingkahan antara kedua-dua penyokong parti tersebut. Akibatnya, situasi politik di Binjai khasnya dan di Terengganu amnya berada di dalam suasana yang tidak stabil.

---

(19) Op. cit.

BINJAI

LATAR BELAKANG FIZIKAL

Kawasan Binjai adalah salah sebuah kawasan pilihanraya dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu yang berjumlah dua puluh lapan kawasan kesemuanya. Kawasan Binjai termasuk dalam Kawasan Parlimen Hulu Terengganu. Kawasan Binjai terletak di bahagian barat daya Kuala Terengganu, bermula dari kilometer 19 hingga ke kilometer 26 di jalan utama Kuala Terengganu-Kuala Berang. Bentuk kawasan ini agak beralun dan sesuai untuk penanaman pokok getah. Di kawasan berpaya pula ditanami dengan padi.

PENDUDUK

Kebanyakan penduduk kawasan Binjai adalah orang-orang melayu. Walau bagaimanapun, terdapat sekelompok kecil masyarakat china di Pekan Wakaf Tapai di kilometer 23 yang berjumlah kira-kira 1300 orang semakin meningkat dari masa ke semasa berikutan pembukaan beberapa buah kilang papan di kawasan berkenaan dan ujudnya kawasan perumahan berdekatan pekan tersebut yang seratus peratus didiami oleh orang-orang china. Walaupun begitu, Pekan Wakaf Tapai juga mempunyai jumlah orang-orang melayu yang ramai seperti juga kawasan lain di kawasan Binjai.

EKONOMI DAN PEKERJAAN

Sektor pekerjaan yang menjadi sumber ekonomi utama penduduk di kawasan Binjai ialah di bidang pertanian seperti menanam padi, sayur-sayuran dan tembakau.

Secara hitung panjang, seorang petani memiliki setengah hingga satu ekar sawah padi. Hasil dari tanah sawah seluas ini sudah mencukupi bagi satu keluarga petani yang sederhana besarnya. Untuk menambahkan pendapatan, waktu-waktu lapang mereka digunakan untuk menternak ayam, itik, lembu, kerbau serta kambing secara kecil-kecilan. Walaupun di kawasan Binjai terdapat kawasan penanaman getah yang agak luas, namun sejak beberapa tahun kebelakangan ini, penglibatan penduduk dalam kerja tersebut kurang mendapat sambutan. Fenomena ini wujud kerana sudah terdapat peluang-peluang pekerjaan di bidang-bidang lain saperti di kilang-kilang papan kepunyaan orang-orang Cina yang berpusat di Pekan Wakaf Tapai. Di kawasan Binjai juga terdapat perusahan kuari dan kilang-kilang yang mengusahakan pembuatan batu-bata. Peluang-peluang pekerjaan yang terdapat dalam sektor di atas telah mengurangkan minat penduduk untuk bekerja di kebun-kebun getah. Sebilangan kecil penduduk di Binjai juga menjalankan perniagaan runcit dan membuka warung-warung secara kecil-kecilan .

KEMUDAHAN ASAS.

Di segi infrastruktur, kawasan Binjai mempunyai satu rangkaian jalanraya yang agak baik. Jalan-jalan ini menghubungkan kampung-kampung kecil yang terdapat di kawasan Binjai saperti dari kampung Atas Tol ke Kampong Tok Dir ke Pekan Binjai Rendah yang terletak di jalan besar Kuala Terengganu ke Kuala Berang. Bekalan letrik dan air paip juga telah dimasukkan hampir kesetiap kampung di Binjai. Walau bagaimanapun, bekalan air paip belum dibekalkan sepenuhnya walaupun paip-paip telah dipasang sejak beberapa tahun kebelakangan ini.



University of Malaya

Di samping itu, kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kawasan ini ialah balairaya, masjid dan pondok-pondok talipon awam.

Dalam bidang pelajaran, kawasan Binjai agak ketinggalan. Walaupun ada anak-anak tempatan di kawasan berkenaan berjaya dalam bidang pelajaran, namun jumlah yang berjaya tidak begitu ramai jika dibandingkan dengan mereka yang gagal. Walaupun banyak terdapat sekolah rendah di kawasan Binjai tetapi hanya ada dua buah sekolah menengah sahaja iaitu Sekolah Menengah Ugama Durian Guling dan Sekolah Menengah Bukit Sawa. Kedua-dua buah sekolah ini ternyata tidak cukup untuk menampung murid-murid yang begitu ramai dari sekolah-sekolah rendah. Faktur ini dan ditambah pula oleh faktur-faktur sosial ekonomi yang lain saperti kemiskinan yang menjadi sebab utama kegagalan murid-murid di Binjai. Buktinya, "Several children fail the S.R.P. and have to leave school after that". (20).

---

(20). The Sunday Star, Battlefield Binjai, December 1982, hal. 4
Temuramah dengan seorang pekedai di kampung Tok Dir.

University of Malaya

BINJAI: SEJARAH POLITIK DAN PILIHANRAYA

Untuk mengkaji elit parti politik samada elit PAS dan elit UMNO di Binjai, adalah lebih mudah jika ditinjau terlebih dahulu sejarah politik dan pilihanraya di kawasan ini sejak diadakan pilihanraya peringkat kebangsaan yang pertama di negara ini iaitu pada tahun 1955. Apabila dirujuk kepada keputusan-keputusan pilihanraya bagi kawasan Binjai sehinggalah pilihanraya kecil 1982 yang lalu, persaingan hebat terjadi di antara PAS dan UMNO untuk merebut kerusi kawasan ini. Boleh dikatakan pada setiap kali pilihanraya, kedua-dua parti tidak ketinggalan meletakkan calon masing-masing kecuali pada tahun 1974 di mana PAS tidak meletakkan calonnya kerana pada masa itu PAS adalah anggota komponen Barisan Nasional. Jadi atas dasar maufakat politik, kedua-dua pihak bersetuju untuk tidak menyaingi antara satu sama lain di dalam satu kawasan. Dalam pilihanraya kali ini, calon UMNO Encik Abdul Rahman Ali berjaya memenangi kerusi Binjai menewaskan calon dari Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM) dan calon parti bebas.

Keputusan pilihanraya 1959 telah memberi kemenangan besar bagi PAS di Terengganu. Kemenangan tersebut membolehkan PAS menguasai kerajaan Terengganu. Calon PAS bagi kawasan Binjai, Allahyarham Ustaz Haji Shafie bin Haji Long (meninggal dunia di Mekah) dengan undi sebanyak 1874, berjaya mengalahkan calon UMNO, Haji Kasim yang memperolehi 1247 undi. Sebagaimana yang telah dikatakan tadi, PAS telah berjaya menguasai Terengganu .

" Namun begitu, kejayaan PAS ini tidaklah lama berkuasa kerana pada bulan oktober 1961, ia telah digulingkan melalui undi tidak percaya di Dewan Undangan Negeri Terengganu , tajaan Parti Perikatan yang diketuai oleh Ibrahim Fikri. Peluang berlakunya penggulingan kuasa secara demokratik ini sebenarnya berakarumbikan pada "kelemahan" organisasi PAS sendiri yang di dalam masa yang sama adalah pula memperlihatkan kelebihan-kelebihan tertentu yang dimiliki oleh Perikatan". (21) . Kegagalan PAS untuk terus menguasai Terengganu pada masa itu, membawa implikasi negatif kepada usaha-usaha elit PAS pada tahun-tahun berikutnya untuk mendapatkan semula kuasa mereka yang hilang, iaitu untuk menguasai semula Terengganu amnya dan Binjai khasnya.

Dalam pilihanraya tahun 1964, UMNO berjaya memenangi kerusi Binjai. Encik Ahmad bin Omar dari UMNO yang memperolehi 3111 undi telah menewaskan Syed Hamzah Tahir, calon PAS yang memperolehi 2317 undi. Walau bagaimanapun, di dalam pilihanraya tahun 1969, PAS menguasai semula kerusi Binjai apabila calonnya, Haji Mohamad Taib Ismail dengan 3551 undi telah mengalahkan Sharifah Azzah Apple binti Syed Shith, seorang tokoh wanita UMNO Terengganu yang memperolehi 3043 undi.

---

(21) Lihat tulisan Dr. Husin Mohamad,"Proses politik dan pilihanraya di Negeri Terengganu, 1954-1978" dalam Malaysia Dari Segi Sejarah, [illegible] Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 11, 1982, hal. 111.



University of Malaya

Dari jumlah kelebihan undi yang diperolehi oleh calun-calun yang menang, jelas menunjukkan bahawa PAS dan UMNO mempunyai pengaruh dan kekuatan yang seimbang di Binjai. Dalam pilihanraya 1974 pula, di mana semasa itu PAS adalah anggota komponen Barisan Nasional, tidak ada perlawanan PAS - UMNO di Binjai kerana kedua-dua parti bersetuju untuk tidak menentang satu sama lain dalam satu kawasan. Dalam pilihanraya kali ini, UMNO telah meletakkan calunnya iaitu Encik Abdul Rahman bin Ali. Beliau telah memenangi kerusi Binjai dengan 3,624 undi dengan majoriti yang memuaskan iaitu sebanyak 2786 undi menewaskan calun dari Parti Sosialis Rakyat Malaya ( PSRM ) dan calun dari parti bebas. Dari pilihanraya kali ini dapat dibuat kesimpulan, tanpa tentangan dari elit PAS,elit UMNO mendapat undi dan sokongan yang besar dari penduduk Binjai.

Keadaan diatas berubah apabila dalam pilihanraya tahun 1978, selepas PAS disingkirkan dari Barisan Nasional, konflik berlaku semula di antara PAS dengan UMNO dalam usaha mereka merebut kerusi Binjai. Walau bagaimanapun, Haji Abdul Rahman Ali dengan mendapat 3562 undi berjaya menewaskan calun PAS, Encik Wahab Salleh yang mendapat 1936 undi dengan majoriti 1626 undi. Perlawanan kedua-dua golongan elit tersebut semakin hebat apabila keputusan pilihanraya 22hb. April 1982 diumumkan. Calun UMNO, Allahyarham Ustaz Mohamad Nor Ali yang mendapat 3732 undi, masih mampu mempertahankan maruah elit UMNO di Binjai dengan menewaskan calun PAS yang bertanding buat kali kedua, Encik Wahab Salleh yang memperolehi 3395 undi, walaupun dengan kelebihan undi yang semakin kecil iaitu 337 undi sahaja. Keputusan pilihanraya kali ini menunjukkan, walaupun seringkali tewas elit PAS terus berkempen dalam usaha "sosialisasi politik"

demi mendapat sokongan rakyat Binjai terhadap mereka.

Pilihanraya terakhir untuk merebut kerusi Binjai(sebelum kajian ini dijalankan ) ialah pada 9 Disember 1982 yang lalu iaitu pilihanraya kecil yang diadakan berikutan k e m a t i a n Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Binjai Allahyarham Ustaz Mohamad Nor Ali. Oleh kerana pilihanraya kali ini adalah pilihanraya kecil, kedua-dua golongan elit samada dari PAS dan juga UMNO dari negeri-negeri lain di Malaysia turut berkempen untuk menjamin kemenangan bagi elit masing-masing. Dalam kata lain, seluruh jentera kedua-dua parti tertumpu di Binjai. Pada kali ini, Encik Muda bin Mamat yang mewakili elit UMNO memperolehi 4041 undi berjaya memenangi kerusi Binjai mengalahkan calun PAS (yang bertanding buat kali ketiga berturut-turut) Encik Wahab Salleh yang mendapat 3181 undi dengan majoriti 860 undi. (22).

---

(22). Temubual dengan Encik Wahab Salleh (PAS). Beliau menyatakan, kemenangan Encik Muda adalah "kemenangan nasib"sahaja kerana ramai anggota keluarga beliau sendiri (Encik Wahab) berpaling tadah menyokong Encik Muda kerana isteri Encik Muda, tiga pupu kepada Encik Wahab berjaya mempengaruhi anggota keluarganya untuk menyokong Encik Muda(UMNO). Encik Wahab berpendapat,tanpa insiden ini, adalah mustahil bagi calun UMNO tersebut memperolehi kemenangan.

Berdasarkan "electoral showing" pada setiap kali keputusan pilihanraya, jelas tidak ada jaminan yang kawasan Binjai adalah milik mutlak mana-mana parti walaupun UMNO berjaya memenangi pilihanraya di kawasan ini sebanyak empat kali dan PAS pula hanya dua kali, namun kemenangan UMNO hanyalah dengan kelebihan undi yang kecil sahaja. Oleh yang demikian, pada setiap kali pilihanraya pergeseran kedua-dua elit parti PAS dan UMNO amat sengit. Walaupun ada saingan dari elit-elit parti lain saperti elit Parti Negara, PSRM dan elit dari calun bebas, namun pengundi-pengundi di kawasan Binjai yang berjumlah 8889 orang, lebih suka memilih dua golongan elit politik sahaja iaitu elit PAS dan elit UMNO untuk mewakili mereka di Dewan Undangan Negeri Terengganu.(23).

Kekuatan UMNO dan PAS di Terengganu memang tidak dinafikan kerana " dari segi yang lain pula, sehingga kini ternyata bahawa hanya parti PAS dan UMNO sahaja yang benar-benar menentukan corak dan tingkah laku politik berparti di dalam masyarakat melayu ini. Penerimaan ini secara terbukanya pula memperlihatkan konsep perjuangan politik mereka yang bersifat perkauman kerana baik UMNO ataupun PAS, kedua-duanya berjuang demi kepentingan orang-orang melayu biarpun kaedah dan pendekatan masing-masing berlainan." (24).

---

(23) Jumlah pengundi di kawasan Binjai dalam pilihanraya kecil Disember 1982.

(24) Op. cit. Dr. Hussain Mohamed, hal. 26.

**Jadual 1.**

KEPUTUSAN PILIHANRAYA, DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

KAWASAN BINJAI.

| Bhg. P/raya | Jumlah pemilih | Kertas undi dikeluarkan | Peratus undi | Undi ditolak | Nama-nama calon | Undi yang diperolehi | Majoriti |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BINJAI (P/raya kecil) | 8889 | - | - | | 1. En.Muda Mamat(UMNO) | 4041 | 860 |
| | | | | | 2. En.Wahab Salleh(PAS) | 3181 | |
| BINJAI | | | | | 1. En. Mohd Nor Ali(UMNO) | 3732 | 337 |
| | | | | | 2. En. Wahab Salleh(PAS) | 3395 | |
| BINJAI | 7746 | 6180 | 79.78 | 476 | 1. Abdul Rahman Ali(BN) | 3562 | 1626 |
| | | | | | 2. Abdul Wahab Salleh(PAS) | 1936 | - |
| | | | | | 3. Mohamad Zawawi b. Mohamad Yusof(PSRM) | 206 | - |
| BINJAI | 6975 | 5353 | 76.74 | 379 | 1. Abdul Rahman Ali(BN) | 3624 | 2786 |
| BINJAI | 8836 | 7160 | 81.0 | 566 | 1. Hj.Mohamad Taib Hj. Ismail (PAS) | 3551 | 508 |
| | | | | | 2. Sharifah Azzah Apple Syed Shith(PERIKATAN) | 3043 | |
| BINJAI | 7381 | 5959 | 80.7 | 266 | 1. Ahmad Omar(PERIKATAN) | 3111 | 794 |
| | | | | | 2. Syed Hamzah Tahir(PAS) | 2317 | |
| | | | | | 3. Said Abdullah(PSRM) | 154 | |
| | | | | | 4. Che Ali Hj.Abdullah (PARTI NEGARA) | 111 | |
| BINJAI | 5848 | | 76.8 | 164 | 1. Ismail Hj Kassim(UMNO) | 1247 | 373 |
| | | | | | 2. Hj.Shafei Long(PAS) | 1874 | |
| | | | | | 3. Abd.Latif Hj Fakeh(PSRM) | 299 | |
| | | | | | 4. Ali Hj. Abdullah (PARTI NEGARA) | 629 | |

SUMBER: PENYATA P/rayaUmum D. Rakyat & DUN bagi Negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.



University of Malaya

Jadual II.

TAJUK: CARTA PENGUNDI DAN CAWANGAN PARTI.

PILIHANRAYA KECIL, 1982.

B I N J A I

| | | |
|---|---|---|
| Malays | - | 8,554 |
| Chinese | - | 335 |
| Indian | - | |
| Total electorate | | 8,889 |

PARTY BRANCHES

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Barisan Nasional | : | UMNO | : | 23 |
| | | MCA | : | 1 |
| # Opposition | : | PAS | : | 27 |

Sumber : SUNDAY STAR.

Dec. 5, 1982.

# Termasuk cawangan yang tidak berdaftar.



University of Malaya

**Jadual III.**

TAJUK: SENARAI ADUN KAWASAN BINJAI

DARIPADA 1959 - 1982

| VOTING RECORD | | | MAJORITY. |
|---|---|---|---|
| 1959 - | Haji Shafei Haji Long | (PAS) | 627 |
| 1964 - | Ahmad Omar (All - UMNO) | | 794 |
| 1969 - | Haji Mohd Taib Ismail | | 148 |
| 1974 - | Abdul Rahman Ali (BN - UMNO) (PAS was a component of the BN then) | | 2789 |
| 1978 - | Abdul Rahman Ali | (BN - UMNO) | 1629 |
| 1982 - | Mohd Nor Ali | (BN - UMNO) | 337 |
| 1982 - | Muda Mamat (By election) | (BN - UMNO) | 860 |

SUMBER : SUNDAY STAR

DEC. 5, 1982.



University of Malaya

BAB 3.

## KEPIMPINAN POLITIK PAS DAN UMNO KAWASAN BINJAI.

Untuk melihat perkembangan politik di Terengganu amnya dan di Binjai khasnya, maka bentuk kepimpinan kedua-dua parti samada PAS dan UMNO, haruslah difahami terlebih dahulu.Bentuk atau corak kepimpinan ini amat penting untuk diketahui kerana ianya merupakan faktor penting yang mencorakkan perjalanan politik di Terengganu.

### LATAR BELAKANG PENDIDIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS DI BINJAI.

Pemimpin PAS, terutamanya golongan elit PAS awal ada yang mendapat pendidikan ugama-formal dari universiti Timor Tengah. Salah seorang dari mereka ialah Allahyarham Ustaz Haji Shafie bin Haji Long yang memenangi kerusi Binjai dalam pilihanraya tahun 1959. Bersesuaian dengan pendidikan yang diterimanya, beliau menganggotai PAS untuk memperjuangkan ideologi PAS iaitu menjadikan islam sebagai "way of life".

Begitu juga dengan tokoh PAS yang ada sekarang iaitu Encik Abdul Wahab Salleh. Beliau menerima pendidikan melayu-arab di Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. Penerimaan pendidikan yang berasaskan keugamaan telah mendorong tokoh-tokoh tersebut untuk menyertai PAS dalam memperjuangkan ideologi mereka.

### LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ELIT UMNO BINJAI.

Sebagaimana elit PAS, elit UMNO di Binjai khasnya dan di Terengganu amnya mempunyai latar belakang pendidikan yang lebih kurang sama dengan elit PAS. Contohnya, Allahyarham Ustaz Mohamad



University of Malaya

Nor bin Ali adalah bekas anak murid Allahyarham Haji Shafie bin Haji Long. Ustaz Mohamad Nor adalah bekas siswazah Universiti Al-Azhar , Mesir. Sekembalinya ke tanah air , beliau bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Bukit Sawa sebelum bertanding dalam pilihanraya 1982 dan berjaya memenangi kerusi Binjai.

Tokoh UMNO yang sekarang menjadi wakil rakyat Binjai, Encik Muda bin Mamat juga mempunyai latar belakang pendidikan yang sama. Beliau mendapat pendidikan melayu-arab di Kolej Islam Kelang sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia .

Berdasarkan pendidikan yang diterima, ternyata bahawa kedua-dua elit PAS dan UMNO di Binjai mendapat pendidikan yang hampir sama. Walau bagaimanapun, persamaan pendidikan yang diterima tidak pula membawa mereka ke dalam satu perjuangan yang memperjuangkan ideologi yang sama, walaupun kedua-dua parti samada PAS atau UMNO mempunyai tujuan yang sama tetapi "PAS adalah lebih berorientasikan nasionalisme islam-melayu". (25)

CORAK KEPIMPINAN PAS.

Bersesuaian dengan namanya, PAS dari dahulu hinggalah ke hari ini memperjuangkan ideologi keislaman sebagai inti perjuangan mereka. Di samping menekankan betapa perlunya ugama dijadikan panduan hidup, PAS juga tidak lupa menyuarakan kepentingan material yang selaras dengan ajaran islam.

---

(25) Dr. Hussain Mohamad, op.cit.



University of Malaya

Walau bagaimanapun, corak kepimpinan PAS mengalami sedikit perubahan. Pemimpin-pemimpin PAS di Binjai khasnya dan di Terengganu amnya pada hari ini lebih berani dan lebih lantang menyuarakan pandangan-pandangan mereka dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin PAS yang awal. Kelantangan mereka ini diakui oleh akhbar-akhbar tempatan di mana pemimpin-pemimpin muda PAS di Terengganu dikatakan bersifat radikal fundamentalis yang dipengaruhi oleh revolusi Iran. (26) Walau bagaimanapun , dua andaian dapat dibuat tentang kemunculan golongan pemimpin muda PAS yang dikatakan radikal di atas:

i) kemunculan mereka adalah disebabkan oleh kesedaran yang sebenarnya terhadap perlunya diperjuangkan satu "way of life " yang selaras dengan ajaran islam.

ii) kemunculan mereka adalah didorong oleh penemuan petrolium di Terengganu sejak beberapa tahun kebelakangan ini. (27)

Perubahan corak kepimpinan PAS di Terengganu bergantung sebahagian besarnya kepada satu golongan elit muda PAS yang diketuai oleh Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu (ADUN-PAS) Kawasan Marang. Di bawah pimpinannya, PAS di Terengganu dan di Binjai mendapat nafas baru. Beliau yang dianggap

---

(26) Sunday Star, Battlefield Binjai, 5 Disember 1982, hal. 4.

(27) Lihat temubual khas oleh Rosnah Abdul Majid dengan Menteri Besar Terengganu, Utusan Malaysia, 6 Disember 1982, "Memburu Emas Hitam Di Terengganu Atas Nama Jihad".

"one of the best orator in Southeast Asia", dikatakan dapat menarik ribuan pendengar untuk mrngikuti syarahannya. (28).

Kehandalan Ustaz Hadi berpidato sememangnya dapat menarik perhatian dan minat umum; "listeners are treated to a heady mixture of party rhetoric and islamic teachings by such charismatic leaders as Ustaz Abdul Hadi Haji Awang,a narrowly UMNO beaten candidate in 1978 who is said to draw audiences much greater than Musa did when he was there". (29)

Walaupun berlaku perubahan dalam pucuk pimpinan, namun PAS masih lagi memperjuangkan ideologi yang sama seperti dahulu. (30). Perubahan pucuk pimpinan ini turut mengubah perjalanan politik di Binjai khasnya dan di Terengganu amnya.

## CORAK KEPIMPINAN UMNO DI BINJAI.

Jika PAS mengalami perubahan dalam kepimpinannya, UMNO pula adalah sebaliknya. Sebagai parti pemerintah, walaupun sering mengalami pertukaran pucuk pimpinannya, namun corak kepimpinan UMNO di Binjai dan di Terengganu tidak banyak mengalami perubahan, sebagaimana yang dialami oleh PAS. Ini tidaklah bermakna elit UMNO pasif dalam kepimpinan mereka. Malah sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pemimpin-pemimpin UMNO di Binjai terdiri daripada siswazah lepasan universiti samada dalam dan juga luar negeri.

---

( 28) Asia Week, Coping with the fire, 17 Dec. 1982, hal. 22.

(29) Asia Week, 20 Nov. 1981.

(30) Kenyataan ini sering diucapkan oleh pemimpin-pemimpin PAS Terengganu dalam syarahan mereka.

Mereka juga terdiri daripada bekas pentadbir-pentadbir yang cekap. Contohnya, Encik Muda Mamat adalah bekas siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia dan pernah bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Besut sebelum memenangi kerusi Binjai dalam pilihanraya kecil yang lalu. Ustaz Mohamad Nor Ali pula berkelulusan dari Universiti Al-Azhar, Mesir.

Corak kepimpinan UMNO yang liberal dengan dibantu oleh ketokohan pemimpin-pemimpinnya membolehkan parti tersebut untuk terus mendapat sokongan dan mengekalkan kerusi Binjai walaupun dengan kelebihan undi yang kecil sahaja akibat saingan yang hebat dari PAS.

HUBUNGAN KEKELUARGAAN DI ANTARA ELIT PAS DENGAN ELIT UMNO DI BINJAI.

Elit PAS dan elit UMNO di Binjai dihubungkan oleh satu ikatan kekeluargaan, di mana isteri Encik Muda (tokoh UMNO) adalah tiga pupu kepada Encik Wahab (tokoh PAS). Oleh kerana ikatan ini menghubungkan dua pihak yang memperjuangkan ideologi yang berlainan, ianya mendatangkan kesan nagatif bagi kedua-dua belah pihak. Apa yang berlaku ialah,walaupun mereka mempunyai hubungan kekeluargaan, namun hubungan tersebut tidak dapat menyatukan mereka. Implikasi negatif lebih dirasakan oleh Encik Wahab Salleh kerana ada di antara anggota keluarganya sendiri yang berjaya dipengaruhi oleh isteri Encik Muda (tiga pupu kepada Encik Wahab), untuk menyokong UMNO. Inilah merupakan salah satu faktor kekalahan PAS. (31)

---

(31) Temubual dengan Encik Wahab Salleh.

ENCIK MUDA MAMAT.

Encik Muda bin Mamat adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Binjai. Beliau adalah bekas pengetua Pusat Pupuk Semangat Negeri Terengganu (PUPUK). Sebelum itu, beliau pernah bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Besut setelah menamatkan pengajiannya dalam bidang ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). (32)

Beliau telah memenangi kerusi Binjai setelah menewaskan calon PAS, Encik Wahab Salleh dalam pilihanraya kecil Binjai pada 9 Disember 1982 yang lalu. Pilihanraya ini diadakan berikutan kematian ADUN Binjai, Allahyarham Ustaz Mohamad Nor Ali dari UMNO. Setelah berjaya memenangi kerusi Binjai, Encik Muda terus dilantik menjadi pengurusi Biro Ugama UMNO Terengganu yang sebelum ini disandang oleh Allahyarham Ustaz Mohamad Nor Ali.

ISU-ISU DALAM KEMPEN UMNO/BARISAN NASIONAL

Semasa kempen pilihamraya diadakan samada melalui ceramah-ceramah atau pertemuan-pertemuan,elit UMNO dengan isu-isu tersendiri berusaha memikat pengundi-pengundi di Binjai, di samping menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh elit PAS. Satu generalisasi boleh dibuat iaitu , isu-isu UMNO adalah mengenai pembangunan dan keugamaan. Tetapi yang lebih nyata ialah mengenai isu-isu pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pihak pemerintah. Masalah pembangunan amat ditekankan kerana menurut penceramah-penceramah UMNO lagi, rakyat dapat melihat sendiri bukti-buktinya.

---

(32) Lihat lampiran mengenai biodata Encik Muda Mamat.



Gambar atas; Yang Berhormat, Encik Muda bin Mamat,
Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu,
Kawasan Binjai,




Pemandangan di hari pembuangan undi di Kawasan Binjai.

Jadual iv.

# ENCIK MUDA BIN MAMAT
# CALUN BARISAN NASIONAL



Encik Muda bin Mamat, 31 tahun yang bertanding sebagai calun Barisan Nasional bagi Dewan Undangan Negeri Kawasan Binjai ini ialah bekas Pengetua Pusat Pupuk Semangat Negeri Trengganu (PUPUK). Sebelum itu beliau pernah bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Besut yang telah mendapat didikan didalam jurusan Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1977.

Beliau ialah anak tempatan Kawasan Binjai, dilahirkan di kampong Jerong Seberang, Wakaf Tapai, Kuala Trengganu dan mendapat didikan awal di Sekolah Kebangsaan Jerong, Wakaf Tapai, Kuala Trengganu. Kemudian beliau menyambong pelajarannya di Sekolah Menengah Ugama (Atas) Sultan Zainal Abidin Batu Burok, Kuala Trengganu, sehingga tahun 1971.

Pada tahun 1972 hingga 1973 beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Kolej Islam, Kelang, Selangor dan selepas itu menuntut pelajaran tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sehingga Jun 1977.

Semasa menuntut di Sekolah Menengah Ugama (Atas) Sultan Zainal Abidin dan Kolej Islam, beliau aktif didalam kegiatan pelajar . Semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) beliau terlibat secara langsung di dalam politik pelajar, dimana beliau telah mengendalikan persatuan pelajar. Pada tahun 1975/76 beliau telah memimpin Persatuan pelajar sebagai Bendahari Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM) dan Setiausaha Persatuan Mahasiswa Trengganu Universiti Kebangsaan Malaysia (PERMATA). Pada tahun 1976/77 beliau telah memenangi pilihanraya kampus dan dilantik sebagai Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia ( PMUKM) disamping tugasnya sebagai Setiausaha Persatuan Mahasiswa Trengganu Universiti Kebangsaan Malaysia (PERMATA) .

Penglibatan beliau di dalam badan-badan kebajikan dan sukarela semasa berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah Besut juga telah dapat meyakini bahawa pengalaman dari segi pergaulan dan perkhidmatannya amatlah luas . Beliau ialah Pengerusi Gerakan Belia 4B Daerah Besut dari tahun 1978 hingga 1981 dan menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Belia Daerah Besut dari tahun 1979 hingga 1981 .

Kewibawaan dan pengalaman Encik Muda didalam perkhidmatan Tadbir Negeri Trengganu (PTN) yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Besut dari bulan Ogos 1977 hingga Disember 1981 dan sebagai Pengetua Pusat Pupuk Semangat Negeri Trengganu (PUPUK) dari Januari 1982 hingga ketarikh perletakan jawatanya pada 22hb. November, 1982 yang lalu, menyebabkan Barisan Nasional mencalunkan beliau untuk bertanding sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Binjai dengan harapan bahawa beliau akan berkhidmat untuk kemajuan dan kepentingan rakyat dalam Kawasan Binjai khasnya dan Negeri Trengganu amnya.

Lantaran itu Barisan Nasional menaroh harapan penuh dan tidak syak lagi bahawa penduduk -penduduk dalam kawasan Binjai akan memberi sokongan yang tidak berbelahbahagi kepada Encik Muda bin Mamat demi untuk memupuk kegiatan-kegiatan pembangunan rohani dan jasmani di dalam Negeri yang sedang membangun ini .

## UNDILAH CALON BARISAN NASIONAL

| | | |
|---|---|---|
| MUDA BIN MAMAT | | X |

tuntutan islam iaitu mengejar kehidupan akhirat di samping tidak melupakan kesejahteraan hidup di dunia. Lantaran itulah, di samping menitikberatkan soal-soal ugama, projek-projek pembangunan berjalan seiring. (33)

KONFLIK PAS DAN UMNO.

Bagi Encik Muda, konflik PAS - UMNO adalah satu perkara biasa sahaja kerana dalam apa jua keadaanpun, konflik memang tidak dapat dielakkan. Tambahan pula dalam masyarakat yang besar , memang tidak ada yang sekata dalam semua hal. Penentangan PAS terhadap kerajaan adalah disebabkan rasa keciwa mereka berikutan kegagalan untuk menguasai kerajaan Terengganu. Rasa kekeciwaan ini telah disalurkan melalui isu-isu sensitif seperti kafir mengkafir yang membawa kepada perpecahan selanjutnya dengan isu sembahyang dua imam, masjid berasingan, soal penyembelihan orang UMNO yang haram dimakan, kubur berasingan di antara penyokong PAS dengan penyokong UMNO dan persoalan nikah cerai yang tidak sah kerana dijalankan oleh kadhi yang menyokong kerajaan Barisan Nasional.

Bagi UMNO, PAS sebenarnya sudah kehabisan modal sehingga sanggup bertindak demikian demi kepentingan politik mereka tanpa memikirkan bahawa tindakan tersebut boleh memecahkan suasana harmoni di dalam masyarakat. Sekiranya PAS berjuang atas nama islam, UMNO juga demikian . Cuma caranya sahaja yang berlainan. Malah UMNO telah melaksanakan banyak projek pembangunan yang juga dituntut oleh islam. Dalam melaksanakan usaha-usaha pembangunan inilah,

---

(33) Lihat lampiran senarai projek-projek kecil kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri, Binjai bagi tahun 1981.

Jadual v

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU

UMNO BAHAGIAN HULU TERENGGANU

SENARAI PROJEK-PROJEK KECIL KAWASAN PILIHANRAYA DEWAN UNDANGAN NEGERI BINJAI BAGI TAHUN 1981.

| Bil. | Jenis projek dan tempat | Peruntukan. |
|---|---|---|
| 1. | Tanah merah Jalan Tok Rimau Tok Dir | $ 2,682.00 |
| 2. | Tanah merah Jln. Belukar Gorek ke Paya Padi | $ 4,082.00 |
| 3. | Tanah merah kawasan balai raya Padang Mengkuang | $ 1,238.00 |
| 4. | Tanah merah Jalan Belukar Gorek | $ 900.00 |
| 5. | Tanah merah Jalan Lubok Binjai ke Sekolah Kebangsaan Undang | $ 2,986.00 |
| 6. | Tanah merah Jalan Surau Haji Daud | $ 982.00 |
| 7. | Tanah merah Jalan Tok Muncong ke Jerong Tuan | $ 4,989.00 |
| 8. | Tanah merah Jalan Gelegoh Binjai Rendah | $ 2,986.00 |
| 9. | Gelanggang sepak takraw Kedai Buloh | $ 1,800.00 |
| 10. | Tanah merah Jalan Dusun Besar Sungai Serai | $ 2,986.00 |
| 11. | Tanah merah Jalan Tepi Balairaya Gondang | $ 4,989.00 |
| 12. | Tanah merah Jalan kubur Sungai Serai | $ 982.00 |
| 13. | Tanah merah Jalan Surau Haji Daud ke rumah Cikgu Ismail | $ 1,984.00 |
| 14. | Tanah merah dan kuari dust Jalan belakang Masjid Atas Tol | $ 1,493.00 |
| 15. | Tanah merah dan kuari dust Jalan Padang Bola Atas Tol | $ 3,651.00 |
| 16. | Tanah merah dan kuari dust Jalan Belukar Titian Baru | $ 4,500.00 |
| 17. | Tanah merah dan kuari dust Jalan belakang Masjid Titian Baru | $ 2,000.00 |
| 18. | Tanah merah Jalan Padang Pauh Kg. Baru Undang | $ 2,000.00 |
| 19. | Menyediakan makan dan minum hari pesta sukan Atas Tol | $ 1,000.00 |
| 20. | Membina rumah orang miskin Wakaf Tapai | $ 1,000.00 |

| Bil. | Jenis projek dan tempat | Peruntukan |
|---|---|---|
| 21. | Bantuan pakaian PIBG Sek. Keb. Atas Tol | $ 1,000.00 |
| 22. | Bantuan pakaian PIBG Sek. Keb. Jerong Surau | $ 1,000.00 |
| 23. | Jamuan hari pertabalan Sultan Terengganu di masjid Atas Tol | $ 500.00 |
| 24. | Membaiki rumah orang miskin Tok Dir | $ 1,000.00 |
| 25. | Membaiki 3 rumah orang miskin Atas Tol | $ 2,400.00 |
| 26. | Membina kedai orang miskin Kg. Tembak Baru Wakaf Tapai | $ 2,500.00 |
| 27. | Bantuan pakaian PIBG Sek. Keb. Kg. Tok Dir | $ 1,000.00 |
| 28. | Jamuan rombongan Jabatan Penerangan Malaysia di Atas Tol | $ 700.00 |
| 29. | Membina astaka musabaqah Al Quran peringkat Daerah K. Terengganu di Binjai Rendah | $ 1,000.00 |
| 30. | Membina rumah orang miskin Kedai Buloh | $ 1,000.00 |
| 31. | Bantuan kerek telaga orang miskin Binjai Rendah | $ 320.00 |
| 32. | Bantuan 2 buah basikal murid miskin Atas Tol | $ 340.00 |
| 33. | Membaiki rumah orang miskin (Saad b. Taib) | $ 900.00 |
| 34. | Bantuan pakaian PIBG Sek. Keb. Undang | $ 1,000.00 |
| 35. | Bantuan alat sukan kawasan pilihanraya Binjai | $ 1,500.00 |
| 36. | Bantuan PIBG Sek. Men. Bukit Sawa | $ 1,500.00 |
| 37. | Membaiki rumah orang miskin (orang buta) | $ 1,500.00 |
| 38. | Bantuan pakaian PIBG Sek. Keb. Wakaf Tapai | $ 1,000.00 |
| 39. | Membaiki surau Kg. Alor Atas Tol | $ 4,000.00 |
| 40. | Membaiki rumah orang miskin Kg. Undang | $ 1,000.00 |
| 41. | Bantuan pakaian orang-orang miskin dalam kawasan pilihanraya Binjai | $ 9,000.00 |
| 42. | Bantuan membeli jam untuk masjid kawasan Binjai | $ 4,500.00 |
| | Jumlah | $ 87,890.00 |

Sumber; Buku Persidangan Perwakilan UMNO , Bahagian Hulu Terengganu, Kali ke 26. (Lampiran)



University of Malaya

beberapa kesilapan kecil telah berlaku dan peluang inilah telah dieksploit oleh pihak PAS untuk menghentam pihak kerajaan . Nyatalah PAS hanya bercakap sahaja tetapi tiada perlaksanaannya seperti mana yang berlaku semasa PAS menguasai Kelantan dahulu.

Mengenai tuduhan elit PAS terhadap usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai islam di dalam pentadbiran seperti penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam sebagai "tayar"sahaja. (34) Sedangkan apa yang dibawa oleh kedua-dua institusi tersebut adalah tidak berunsurkan islam, UMNO menolak dakwaan tersebut dan menganggapnya sebagai usaha dari musoh-musoh islam untuk meruntuhkan islam. Musoh islam , bukan sahaja golongan yang membuat tuduhan seperti di atas, tetapi juga orang-orang UMNO sendiri yang tidak sukakan islam. Beliau mengakui UMNO bukanlah satu ugama, tetapi sebuah parti atau cara memerintah. Soal ugama adalah hak individu dan terpulanglah kapada individu sendiri melaksanakannya sesuai dengan konsep "pembangunan individu" yang beliau sarankan.

PENYELESAIAN KONFLIK PAS-UMNO

Menyentuh tentang cara-cara penyelesaian terhadap perpecahan yang berlaku di kalangan masyarakat islam di Binjai khasnya dan di Terengganu amnya, berikutan isu kafir-mengkafir yang telah disebutkan di atas, UMNO mengemukakan beberapa cara yang praktikal;

i) Elit UMNO yang diwakili oleh Encik Muda mahukan perubahan sikap di kalangan ahli-ahli UMNO sendiri supaya jangan bersikap menekan

---

(34) Pendapat ini disuarakan oleh salah seorang ahli PAS diPejabat Perhubungan PAS Terengganu.

ahli-ahli PAS dalam segala tindak-tanduk mereka. Beliau berkata demikian kerana ada di kalangan penyokong-penyokong UMNO yang menganaktirikan penyokong-penyokong PAS dalam soal pembahagian bantuan atau subsidi kerajaan. (35)

ii) Penglibatan secara langsung kedua-dua elit PAS dan elit UMNO dengan mengadakan dialog di televisyen supaya dapat disaksikan oleh semua lapisan rakyat. (36) . Encik Muda tidak setuju jika dialog tersebut diadakan di hadapan penyokong kedua-dua pihak kerana cara ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah tersebut malah boleh memburukkan lagi keadaan jika perasaan marah kedua-dua belah pihak tidak dapat dibendung lagi. Dalam dialog ini juga , beliau mensyaratkan supaya kedua-dua belah pihak yang berkonflik mestilah bersikap jujur sepenuhnya, bukan tunduk kepada kepentingan politik masing-masing.

---

(35) Hal ini telah didedahkan oleh Ustaz Haji Ghazali Ahmad, Pegawai Perhubungan PAS Terengganu di mana ada Ahli Jawatan Kuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampong yang menyekat bantuan baja dari kerajaan kepada penyokong-penyokong PAS.

(36) Cara berdialog ini sebenarnya telah dianjurkan oleh Ustaz Hadi. Tetapi setakat ini, beliau belum lagi menerima sebarang jawapan dari pihak kerajaan. Elit PAS bersedia untuk berdialog pada bila-bila masa sahaja.

...

Jika diperhatikan secara mendalam soal perpecahan ini, ianya tidak mendatangkan apa-apa kesan yang positif kepada mana-mana pihak. Malah, perpecahan ini tentu sekali telah merenggangkan perpaduan , keharmonian dan perpaduan di kalangan masyarakat Binjai dan di Terengganu. Masyarakat melayu yang selama ini mengamalkan budaya gotong royong sudah tidak lagi mempraktikkannya. Tempat tersebut telah digantikan dengan konflik yang berpanjangan akibat dari budaya politik yang tidak sihat. Paling membimbangkan ialah, ada golongan anti nasional yang cuba mengambil peluang dari keadaan yang tidak stabil ini untuk menggugat kestabilan negara. Jika keadaan ini berlarutan, keselamatan negara keseluruhannya akan turut tergugat. (37)

Oleh yang demikian, amatlah wajar bagi semua pihak yang terlibat dan pihak yang berkuasa untuk mengambil apa jua langkah perlu untuk menyelesaikan masalah ini yang nampaknya sudah menjadi satu permasalahan nasional. Apa yang paling penting ialah, kejujuran mesti diutamakan dalam usaha mencari kebenaran. Selagi tiada rasa jujur, sehingga itulah masalah ini tidak akan dapat diselesaikan.

HUBUNGAN KEPENTINGAN POLITIK DENGAN KEPENTINGAN EKONOMI

Mengenai penggunaan kuasa politik untuk menegohkan lagi kedudukan ekonomi, Encik Muda tidak menafikan kebenaran teori

---

(37) Utusan Melayu, 27 July 1982."Sembahyang Dua Imam Diresapi Komunis". Pihak berkuasa mengawasi kekecohan yang ditimbulkan oleh PAS dan tidak menafikan Persatuan Persaudaraan Islam (PAPERI) yang ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya terlibat.

tersebut. Malah beliau sendiri mengakui memberi keutamaan kepada ahli keluarganya sendiri untuk merebut peluang-peluang ekonomi yang ada dengan alasan, merekalah yang merupakan tempat beliau mendapatkan bantuan kewangan semasa menjalankan kempen-kempen semasa pilihanraya dan juga untuk tujuan-tujuan lain. Oleh yang demikian, beliau tidak menolak kebenaran teori "politik untuk ekonomi". Berhubung dengan perkara tersebut,beliau menekankan bahawa sebagai manusia biasa hal-hal sedemikian memang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah menjadi satu kesalahan asalkan ianya tidak terkeluar dari landasan tanggong-jawab beliau sebagai seorang wakil rakyat yang diamanahkan menjaga kepentingan rakyat di kawasan Binjai.

PERJUMPAAN DENGAN PENDUDUK SETEMPAT; PERKARA YANG DIBINCANGKAN DAN CARA MENGEKALKAN PENGARUH POLITIK.

Sebagai tokoh politik dari elit UMNO yang baru di Binjai, sudah tentu Encik Muda Mamat tidak dikenali sepenuhnya oleh penduduk di kawasan Binjai jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh UMNO yang lalu seperti Ustaz Mohamad Nor Ali dan juga Haji Abdul Rahman bin Ali. Keadaan ini berlaku kerana, sebelum menjadi ADUN kawasan Binjai, Encik Muda bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah di Besut. Jadi dalam usaha untuk mengenali penduduk Binjai dengan lebih dekat, beliau selalu mengadakan perjumpaan dengan rakyat samada secara rasmi( mesyuarat) atau tidak. Semasa perjumpaan inilah beliau dapat mengenali penduduk Binjai dengan lebih dekat

di samping membincangkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan kehidupan rakyat.

Di antara perkara-perkara yang sering dibincangkan dalam perjumpaan rasmi (mesyuarat) ialah mengenai projek-projek pembabangunan dan perlaksanaaannya di samping menekankan betapa perlunya penduduk di Binjai bersatu dan memberi sokongan bulat kepada kerajaan agar projek pembangunan yang dirancangkan dapat dilaksanakan dengan lancar. Tanpa sokongan yang kuat dari rakyat, sudah tentu projek yang dirancangkan tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya. Oleh yang demikian , rakyat mestilah menyokong UMNO kerana, "like it's own counterparts, the UMNO is to supposed the malay cause, and to depend any policies that are pro-malay. It is more or less s preserver of the so called malay special rights and previleges". (38)

Selain menemui rakyat di majlis-majlis rasmi, Encik Muda juga mempunyai cara tersendiri untuk mendampingi rakyat. Beliau telah menyediakan satu jadual lawatan dari surau ke surau dan masjid yang ada di kawasan Binjai untuk menemui rakyat. Di sinilah beliau dapat berbincang dengan cara lebih terbuka dengan penduduk kampong yang ternyata lebih berminat menyuarakan pandangan mereka dalam majlis yang tidak formal seperti ini. Sambutan begini dapat dilihat semasa Encik Muda mengunjungi sebuah surau di kampong Cherang China , Batu 13½ di mana ramai penduduk yang hadhir untuk menyuarakan masalah mereka. Melalui

---

(38) Latihan ilmiah, Mohamad Husin Wan Chik, The Elite Network Among Malays; A Short Survey, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, K. Lumpur.

cara ini, beliau dapat dikenali oleh penduduk tempatan di samping dapat menguatkan lagi pengaruh politiknya dikalangan penduduk di kawasan Binjai.

**CITA-CITA POLITIK MASA DEPAN**

Menyentuh tentang cita-cita politik beliau pada masa depan, Encik Muda menyatakan, beliau akan mencuba sedaya upaya menerapkan nilai-nilai islam(sejajar dengan hasrat kerajaan) di mana beliau sendiri adalah Pengurusi Biro Ugama UMNO Terengganu. Beliau berpendapat, segenap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan ugama perlu diberi kesedaran tentang kebaikan islam. Beliau juga bercita-cita untuk terus memajukan taraf hidup rakyat samada di segi cara berfikir (mental), pembangunan fizikal dan juga material.

(UTUSAN MELAYU : 2. 8. 1982)

**RENCANA PENGARANG**

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

JUMAAT, 6 OGOS, 1982

# DUA IMAM: MENGAPA PAS TIDAK BERTINDAK?

MASALAH sembahyang dua imam dan lain-lain yang berkaitan dengannya di Terengganu nampaknya masih berterusan. Ancamannya kepada perpaduan ummah sudah semakin besar, dan mungkin pula menular ke tempat dan negeri lain. Walaupun pemimpin-pemimpin PAS menafikan kejadian itu hasil rancangan politik yang langsung dari mereka, tetapi tidak siapa yang menafikan perbuatan sebilangan mereka bermain akidah adalah puncanya. Ini terbukti dari perpecahan umat Islam di tempat kejadian itu sendiri, yang berlaku mengikut garis parti, dengan tindak-tanduk serta kata-kata yang provokatif datangnya dari pengikut-pengikut PAS.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Hanif Omar, baru-baru ini memberi amaran bahawa jika masalah itu berlarutan sehingga mengancam keselamatan, pihak polis akan bertindak. Ancamannya kepada keselamatan bukanlah kerana pengasingan rakyat mengikut parti tetapi perpecahan yang lebih serius hasil hasutan komunis. Kemungkinan komunis memperalat kembali pertubuhan bonekanya, Paperi, untuk memburukkan lagi keadaan semakin terbuka sekarang.

Pucuk pimpinan PAS, Datuk Asri Haji Muda, membayangkan perhatian berat parti itu terhadap masalah ini bila beliau menyokong amaran tindakan oleh Ketua Polis Negara itu. Sebelum itu beliau juga pernah menggesa pemimpin-pemimpin PAS Terengganu segera menyelesaikannya, kerana, menurut beliau, selain memecahkan umat Islam isu ini juga boleh mendatangkan kesan buruk kepada PAS. Tokoh-tokoh PAS di tempat kejadian sendiri mengakui kerana yang berpecah itu adalah pengikut-pengikut PAS, pemimpin-pemimpin parti itulah yang boleh menyelesaikannya secara berkesan.

Soalnya ialah mereka takut melakukannya. Api yang mereka nyalakan itu telah menjadi terlalu besar dan panas untuk mereka padamkan sendiri. Walaupun setiap anjuran mereka akan dipatuhi oleh pengikut-pengikut, tidak siapa yang berani memulakannya. Sebabnya ialah PAS sedang mengalami krisis pimpinan yang serius. Kepimpinan Datuk Asri sendiri dikatakan mulai tercabar berikutan rasa tidak puas hati terhadap cara beliau mengendalikan pemilihan calon-calon dalam pilihanraya yang lepas. Wujudnya dua khemah — tua dan muda — memburukkan lagi suasana parti itu. Rasa saling mencurigai tentunya hebat diantara mereka. Walaupun mereka sedar mereka bertanggungjawab terhadap agama untuk menyelesaikan isu tersebut, setengahnya tidak berani mencampurinya kerana perbuatan demikian mudah disalah-tafsirkan oleh lawan. Setengahnya pula sengaja membarakan isu ini kerana ia boleh menjadi alat dalam perebutan kepimpinan itu. Sebab itulah masing-masing menganjurkan orang lain mengambil inisiatif pertama. Dan mereka menyokong tindakan polis supaya mereka terhindar dari memijak kaki lawan, sementara tindakan polis itu sendiri kemudiannya boleh pula dijadikan isu politik yang berguna.

**KERANA POLITIK BERBEZA SEMBAHYANG MESTI BERLAWAN ? (Gambar oleh pengarang).**

Siapakah akan percaya orang Islam boleh berlawan sembahyang ? Tetapi demi kerana durungan kepuakan yang menebal hakikat ini telah pun ternyata.



Ini gambar yang menunjukkan dua kumpulan umat Islam yang berbeza fahaman politik sembahyang Tarawih serentak dengan dua Imam Berlainan.

Peristiwa ini berlaku di Masjid Gong Pasir Besut oleh sekumpulan pengikut sebuah parti penentang kerajaan yang tidak mahu mengiktiraf imam kerajaan.

(Berdiri penyokong kerajaan)

Peristiwa ini berterusan sebulan Ramadan 1402 Hijriah.

(DIAMBIL PADA 15. 7. 1982)



Ini kedudukan Imam Yang menentang kerajaan. Kumpulan ini mengambil tempat di sebelah kanan masjid. Di bahagian inilah tempat duduknya mereka sama ada waktu sembahyang Jama'ah Tarawih maupun ketika sembahyang Juma'at mingguan.

(Cuma sembahayang Juma'at mereka buat kemudian, setelah selesai imam kumpulan lantikan kerajaan)



Ini menunjukkan kumpulan imam yang dilantik oleh kerajaan sedang bertahayat akhir. Ketika ini kelihatan berdiri/rukuk di sebalah kanan itu ialah kumpulan mereka yang menentang kerajaan.

Beginilah terus menerus hingga selesai sembahyang masing-masing.

**SAMPAI BILA IANYA AKAN BERLARUTAN MERAGUT IBADAT UMAT ISLAM SELAGIMANA ADANYA MEREKA YANG SENGAJA MENYELEWINGKAN AQIDAH ISLAMIAH BERTERUSAN.**

# دوا کمفولن جماعه دساتو مسجد




دباريسن دفن کليهاتن فارا جماعه امام کراجأن سدڠ سجود منکل فارا جماعه امام لام (فاس) ممرهاتي سهاج.

(UTUSAN MELAYU dan UTUSAN MALAYSIA : 19. 7. 1982)



**jemaah pengikut imam baru (imam kerajaan) sedang menunaikan sembahyang Jumaat, sementara pengikut imam lama masih lagi duduk menunggu giliran untuk bersembahyang di masjid Gong Pasir, Terengganu hari Jumaat lalu.**

Jadual vi

**ISU-ISU PILIHANRAYA DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI, BINJAI**

| PARTI | ISU-ISU |
|---|---|
| PAS | 1. kafir-mengkafir<br>2. isu-isu keislaman<br>3. royalti minyak<br>4. pengambilan tanah rakyat |
| UMNO | 1. pembangunan<br>2. isu-isu keislaman<br>3. dua imam<br>4. sembahyang jumaat berasingan<br>5. perceraian<br>6. kubur berasingan<br>7. petrolium |



University of Malaya

Jadual vii

## BEBERAPA SIRI CERAMAH DALAM KEMPEN PILIHANRAYA KECIL,KAWASAN BINJAI,1982.

| Tarikh & tempat | Parti & penceramah | Isu-isu |
|---|---|---|
| 15 November '82<br>Wakaf Tapai | PAS<br>En. Mustafa Ali<br>Ustaz Ghazali | -penyelewengan subsidi<br>-kecoh di DUN Terengganu<br>-najis babi di W. Tapai |
| 26 Nov. '82<br>Durian Guling | PAS<br>Ustaz Ghazali<br>Wan Mutalib<br>Haji Hadi | -kecoh di DUN Terengganu<br>-aqidah islam |
| 27 Nov. '82<br>Durian Guling | UMNO<br>Bekas speaker DUN Kedah<br>Wakil UMNO Kelantan<br>En. Muda Mamat | -mematahkan hujah PAS<br>-isu pembangunan |
| 30 Nov. '82<br>Wakaf Tapai | PAS<br>Haji Hadi<br>Fadhil Nor | -perpaduan PAS<br>-bank &universiti islam<br>-rasuah dalam kerajaan |
| 1 Dec '82<br>Batu 13½ | UMNO<br>En. Muda Mamat | -pembangunan<br>-mematahkan hujah PAS |
| 3 Dec. '82<br>Batu 13½ | PAS<br>Ustaz Ghazali<br>En. Wahab | -pengambilan tanah rakyat<br>-keimanan |

Catitan: ceramah-ceramah di atas adalah sebahagian daripada ceramah-ceramah lain yang tidak sempat diikuti oleh pengkaji kesemuanya



University of Malaya



**Gambar kiri;**
Encik Abdul Wahab bin Salleh, calon PAS, sedang berdiri di hadapan projek perumahannya.

**Gambar bawah;**
Pemandangan di salah sebuah markas PAS di Kawasan Binjai.



PERPUSTAKAAN
...ABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

TOKOH PAS BINJAI: ENCIK ABDUL WAHAB SALLEH

Encik Abdul Wahab Salleh bukanlah orang baru bagi penduduk Binjai. Beliau mula dicalonkan sebagai wakil PAS bagi kawasan Binjai sejak pilihanraya tahun 1978. Selepas itu, beliau dipilih sebanyak dua kali lagi untuk bertanding bagi pihak PAS dalam pilihanraya tahun 1982 dan pilihanraya kecil 1982 yang lalu. Walaupun tewas dalam kesemua percubaannya untuk merebut kerusi Binjai, namun beliau tetap dihormati dan disegani oleh pihak UMNO dan rakyat tempatan.

Encik Abdul Wahab adalah Naib Yang Di Pertua PAS, Bahagian Hulu Terengganu. Beliau menganggotai PAS sejak tahun 1963. Penglibatan yang begitu lama dalam PAS sudah tentu memberikan pengalaman yang luas dalam memahami arus politik dan inspirasi penduduk di Binjai. Berdasarkan pengalaman inilah, pucuk pimpinan PAS memberikan kepercayaan kepada beliau untuk terus cuba memenangi kerusi Binjai.(39)

Beliau yang mendapat pendidikan melayu-arab dari Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu, menamatkan pengajiannya pada tahun 1964. Di samping bergiat dalam politik PAS, beliau juga merupakan seorang kontraktor yang berjaya.

---

(39) Temubual dengan Encik Wahab, walaupun tewas, beliau akan terus mencuba kerana bagi beliau, perjuangan islam tidak ada titik terakhir, malah berterusan.



University of Malaya

Encik Abdul Wahab banyak melibatkan diri dalam projek-projek perumahan. Disebabkan pengalamannya dalam bidang tersebut, beliau telah dipilih sebagai Setiausaha Persatuan Pemborong Binaan Negeri Terengganu. Beliau juga tidak ketinggalan melibatkan diri dalam kegiatan sosial setempat seperti menjadi pengerusi masjid dan ahli jawatan kuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru.

DASAR PERJUANGAN PAS

Encik Wahab telah memberikan secara kasar dasar perjuangan PAS. Dasar PAS adalah selaras dengan dasar yang dituntuti oleh islam. Jika ada perjuangan yang didasarkan kepada faktor-faktor lain, maka perjuangan tersebut bukanlah perjuangan PAS malah akan ditentang. Dasar perjuangan PAS adalah jelas iaitu, sesuai dengan namanya yang menggunakan islam. Maka, sudah tentulah pokok perjuangannya juga berlandaskan ajaran islam.

ISU-ISU PAS

Ada beberapa isu PAS yang dapat dirumuskan sebagai isu "islamisation" yang sering diperkatakan oleh PAS dalam dalam kempen-kempen yang diadakan . Antara isu-isu tersebut ialah;

i) Akidah

PAS sebagai parti yang memperjuangkan islam berusaha sedaya upaya menyampaikan akidah yang betul kepada rakyat sebagaimana yang dituntut oleh islam. Mengenai tuduhan yang dilemparkan terhadap PAS bahawa dalam usaha mencapai tujuan di atas, PAS juga membawa perpecahan dalam masyarakat. Menurut Encik

Wahab, kesalahan ini tidak boleh diletakkan di atas PAS semata-mata kerana tuduhan tersebut adalah semata-mata untuk mengelirukan rakyat terhadap dasar perjuangan PAS yang sebenarnya(40).

ii)Kafir dan Islam

PAS juga menerangkan perbezaan akidah di antara orang islam dengan orang bukan islam. Sekiranya orang islam tidak berpegang kepada akidah yang dituntut oleh islam, sudah tentu orang tersebut tidak dapat dianggap sebagai orang islam lagi. Untuk menjadi seorang muslim yang sejati, kita hendaklah berhati-hati dalam segala tindak-tanduk agar tidak melanggar hukum-hukum islam. Oleh yang demikian, bukanlah sesuatu yang senang untuk mencapai tahap ter-but kerana; "to be a true muslim, he says, they must follow the true teaching of islam, "otherwise, we will be only half muslim". (41)

Ternyata isu kafir( infidels) ini amat berpengaruh dalam kempen PAS. Sebagai tindak balas terhadap isu ini, PAS telah diberikan amaran oleh pihak kerajaan;

" they have called UMNO members kafirs (infidels); he thundereds. They are instigating their supporters to launch a "holy war" against us. But only God, not PAS can decide who is the true muslims. If PAS leaders go on confusing Malays to the point of force, we will

---

(40) Temubual dengan Ustaz Ghazali, tuduhan tersebut adalah permainan orang-orang politik semata-mata. Kebenaran isu-isu PAS diputarbelitkan demi kepentingan pihak lawan

(41) Lihat Haji Hadi dalam <u>Asia Week</u>, 17 Disember 1982, hal 18.



University of Malaya

act. The urbane DPM, also Home Affairs Ministers, spared no populist rhetoric to drive that point home; "let this be a warning, and this warning comes from Hitam's son who always keep his word". (42)

Isu kafir ini telah membabitkan beberapa isu lain seperti sembahyang dua imàm, akad nikah kali kedua kerana akad nikah yang pertama tidak sah sebab dijalankan kadhi yang menyokong kerajaan, perceraian suami isteri, sembahyang jumaat berasingan dan pembinaan surau dan masjid-masjid baru oleh penyokong-penyokong PAS. Kesemuanya ini berlaku karana wujudnya perbezaan fahaman politik di kalangan rakyat.

Encik Wahab berpendapat, soal perpecahan ini tidak boleh disalahkan kepada PAS sahaja kerana PAS telah berusaha menyampaikan kebenaran dan membaiki kepincangan-kepincangan yang berlaku di dalam masyarakat. Tugas di atas adalah tanggongjawab seorang muslim, "I have the rights to criticise the government, he said, "because islam encourages criticism when the rulers do something wrong. I would be failing in my duty as a muslim if I didn't criticise the government for it's mistake". (43)

---

(42) Lihat Musa Hitam dalam Asia Week, 20 November 1981, hal. 14.

(43) Asia Week, 17 Disember 1982, op. cit, hal. 22.
Kata-kata yang sama diucapkan oleh Haji Hadi dalam ceramah yang beliau berikan di Kampong Durian Guling pada 26 November 1982. Beliau menambah lagi, sekiranya ahli-ahli UMNO tidak merasa bersalah (tidak kafir), mereka tidak perlu memarahi PAS yang menonjolkan isu tersebut.

iii) Bank Islam dan Universiti Islam

Isu-isu lain yang sering diperkatakan oleh PAS ialah mengenai Bank Islam dan Universiti Islam. PAS menganggap penubuhan kedua-dua institusi itu sebagai "cosmetic" sahaja ataupun sebagai alat kerajaan untuk mempengaruhi rakyat. Segala program kerajaan untuk menerapkan nilai islam di dalam kehidupan tidak akan bermakna sekiranya perkara paling asas di dalam islam iaitu penerimaan terhadap ugama islam sebagai satu cara hidup yang meliputi segala aspek kehidupan tidak diterima terlebih dahulu. Islam bukan sahaja terletak pada Bank Islam dan Universiti Islam malah islam mencakupi segala-galanya. Oleh yang demikian,kerajaan perlu mengislamkan banyak lagi perkara lain seperti menghapuskan judi, arak dan korupsi yang yang berleluasa dalam pentadbiran kerajaan sendiri. (44)

---

(44) Ustaz Fadhil Nor dalam ceramahnya di Pekan Wakaf Tapai mensifatkan penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam sebagai sebotol minyak wangi yang dicampakkan ke dalam kolam yang dipenuhi dengan kotoran. Akibatnya, kewangian minyak tersebut akan hilang ditelan bau busuk kolam tersebut. Dalam kata lain, penubuhan kedua-dua institusi tersebut tidak akan bermakna langsung jika tidak dibetulkan banyak lagi kepincangan lain seperti di atas.

iv) Royalti minyak

Elit PAS Binjai juga menekankan isu mengenai royalti minyak yang diperolehi oleh kerajaan Terengganu hasil daripada penemuan minyak di perairan Terengganu. Dalam ceramah PAS yang diadakan di Kampong Batu 13½, Jalan Kuala Berang pada hari jumaat, 3 Disember 1982, isu ini turut dibangkitkan. Kerajaan Terengganu dikatakan memperolehi hanya 0.05% sahaja dari hasil tersebut. Jumlah sebanyak 0.95% lagi dikaut oleh syarikat yang menjalankan operasi pengeluaran. Hal ini amat merugikan dan tidak sepatutnya berlaku kerana rakyat sendiri yang menanggung kerugian.

v) Pengambilan Tanah Rakyat

Ustaz Haji Ahmad Ghazali pula mendedahkan tindakan kerajaan mengambil secara paksa tanah-tanah rakyat untuk menjalankan projek-projek yang belum tentu menguntungkan rakyat. Rakyat yang tidak tahu untuk mengambil tindakan undang-undang terpaksa menyerahkan tanah mereka dan berpindah ke kawasan yang jauh dari kemudahan asas. Keadaan ini berlaku di Kertih, Kemaman di mana tanah-tanah rakyat diambil untuk melaksanakan projek-projek yang bersangkutan dengan perusahaan petrolium di mana kemudahan disediakan untuk pekerja-pekerja asing seperti kolam renang dan padang golf yang langsung tidak mendatangkan faedah untuk penduduk tempatan. Isu ini ternyata sedikit sebanyak memberi kesan negatif terhadap UMNO dan sebaliknya menguatkan lagi pengaruh PAS.

University of Malaya

## HAJI ABDUL HADI DAN KEPIMPINANNYA DALAM PAS

Dalam membicarakan PAS di Terengganu pada masa sekarang, adalah dirasakan kurang lengkap jika nama Haji Abdul bin Haji Awang tidak disebutkan kerana pengaruh beliau keatas PAS amat kuat .

## BIODATA HAJI HADI

Haji Abdul bin Haji Awang atau lebih dikenali dengan nama Haji Hadi, berusia 35 tahun. Beliau mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah di Kuala Terengganu. Semasa berusia 21 tahun, beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Islam di Madinah. Selepas itu beliau melanjutkan pelajarannya di Universiti Azhar, Mesir dalam bidang perundangan islam.

Pada tahun 1976, beliau kembali ke tanah air dan dilantik menjadi imam di masjid Kampong Rusila (tempat kelahirannya) , menggantikan ayahnya yang telah meninggal. Masjid Rusila kemudiannya menjadi pusat pengajarannya untuk ilmu keugamaan dan mula dikunjungi oleh orang ramai untuk mendengar syarahannya,

"His friday morning sermons at the Kampong Rusila Mosque draw more than 5000 faithful in buses, trucks, van and jeeps . They come from all parts of Terengganu to listen to the charismatic "imam". (45)

## PENGLIBATAN DALAM POLITIK

Dalam tahun 1978, Ustaz Hadi telah diberikan satu tiket untuk bertanding atas nama PAS dalam pilihanraya pada tahun tersebut. Walaupun PAS tewas dalam semua 28 buah kerusi yang diper-

---

(45) Asia Week, 17 Disember 1982,
Imam of Rusila; A clear voice, hal ,22.

tandingkan, namun pengaruh Ustaz Hadi semakin kuat. Pada tahun 1980, beliau dilantik menjadi Pesuruhjaya PAS Negeri Terengganu.

Kemunculan Ustaz Hadi merupakan satu era baru dalam perjuangan PAS di mana pucuk pimpinan PAS mula terbahagi dua, iaitu di antara golongan tua ( di bawah Datok Haji Mohamad Asri, bekas Yang Di Pertua PAS) dan golongan muda ( di bawah pimpinan Ustaz Hadi).

Walaupun terlibat dalam politik, tetapi tujuan utama Ustaz Hadi bukanlah sedemikian kerana , "Ustaz Hadi himself says he has no political ambitions," maintaining that "we are only fighting for the implementation of islamic laws in Malaysia".(46) Kebenaran citi-cita Ustaz Hadi ini dikuatkan lagi oleh pandangan penduduk di Kampong Rusila sendiri terhadap beliau. Penduduk tempatan menganggapnya bukan sebagai seorang ahli politik tetapi beliau dihormati kerana mewarisi ketokohan dalam bidang keugamaan dari ayahnya.

Ustaz Hadi dapatlah dianggap sebagai "main asset" bagi PAS. Kepintaran beliau dalam memberikan pidatonya dapat menarik ribuan pendengar untuk mengikutinya samada syarahan ugama atau syarahan politik. Ketokohannya bukan sahaja diakui di Terengganu, malah di peringkat antarabangsa juga.

**STRATEGI PAS**

Strategi sesebuah parti adalah sesuatu yang rahsia iaitu "rahsia parti". (47). Walau bagaimanapun, secara kasar strategi

---

(46) Ibid, hal. 23.

(47) Temubual dengan Encik Wahab, rahsia parti tidak boleh diberikan secara detail.

PAS dapatlah disimpulkan seperti berikut;

i) Usrah

Usrah atau majlis perjumpaan seperti ini sering diadakan dan dihadiri oleh ahli-ahli PAS. Golongan belia memberikan sambutan yang menggalakkan terhadap program usrah ini. Di samping berpeluang membincangkan kepentingan parti, usrah ini juga dapat menambahkan lagi ahli PAS dari masa ke semasa.

ii) Kelas pengajian al Quran

Kelas pengajian ugama PAS diadakan di surau-surau PAS dan di rumah-rumah penyokong PAS. Kelas ugama anjuran PAS yang paling terkenal ialah di Kampong Rusila, Marang, Terengganu, di mana Ustaz Hadi sendiri memberikan ceramahnya pada setiap pagi hari jumaat.

iii) Aktiviti Tamrin adalah lebih kurang sama dengan usrah iaitu untuk melatih kader-kader baru PAS .(48)

iv) Tabong kebajikan PAS

Tabong kebajikan ini telah ditubuhkan bagi PAS kawasan Hulu Terengganu. Segala bentuk sumbangan untuk PAS akan dimasokkan dan disalorkan melalui tabong ini.

v) Khairat kematian

Khairat kematian ini ditubuhkan untuk menolong keluarga yang ditimpa kematian seperti memberi bantuan kewangan dan menolong menguruskan jenazah.

---

(48) Tamrin ini diuruskan oleh Cikgu Mohamed Said,Setiausaha Kerja PAS, Bahagian Hulu Terengganu.

Sambutan yang baik dari belia-belia merupakan satu tendensi yang baik menunjukkan bahawa mereka mahu bersama-sama dalam memperjuangkan cita-cita suci PAS . Adalah dianggarkan, kira-kira 80% belia di Kawasan Binjai telah menyebelahi perjuangan PAS. (49)

Tuduhan yang mengatakan bahawa PAS menyebabkan perpecahan dalam masyarakat memang ada kebanarannya. (50). Walau bagaimanapun, UMNO juga patut disalahkan . Contohnya, penyokong-penyokong PAS ada yang dipecat dari menganggotai Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong dan tidak diberikan bantuan baja pertanian yang sepatutnya mereka terima. Ada juga penyokong PAS yang dipecat dari menjadi imam masjid. Sepatutnya soal perlantikan imam hendaklah dipilih oleh rakyat sendiri dan bukannya dilantik oleh kerajaan .

Untuk menyelesaikan masalah perpecahan ini, Encik Wahab mencadangkan supaya dapat diadakan dialog sepertimana yang dicadangkan oleh elit UMNO, " we in PAS, are prepared to solve these problem through dialogue with the government but the UMNO people don't want to talk to us". (51)

---

(49) Temubual dengan Ustaz Ghazali, dengan adanya sambutan yang menggalakkan dari belia, Dewan Pemuda PAS telah ditubuhkan.

(50) Ibid, ada ahli-ahli PAS yang sengaja membesarkan sesuatu isu sehingga menimbulkan kemarahan pihak UMNO .

(51) Asia Week, 17 Disember 1982, hal. 21.

PERPECAHAN KEPIMPINAN PAS

Perpecahan kepimpinan dalam PAS di antara golongan tua dengan golongan muda telah membawa kepada penyingkiran Datok Asri dan Kumpulan 13 yang dipimpinnya. Datok Asri kemudiannya telah menubuhkan Hizbul Muslimin sebagai bantahan kepada pucuk pimpinan PAS yang baru di bawah Ustaz Haji Hadi. Bekas Yang Di Pertua PAS itu menganggap pucuk pimpinan PAS yang baru telah menyeleweng dari motif asal PAS. Menurut Datok Asri, " politics should be guided by religion, but we oppose people who use religion for political ends". (52)

Walau bagaimanapun Hizbul Muslimin (HAMIM) tidak mendapat sambutan di Terengganu dan juga di Kelantan jauh sekali untuk menggugat kekuatan PAS. Keadaan ini jelas apabila dalam pertandingan tiga penjuru di antara Barisan Nasional, PAS dan HAMIM dalam pilihanraya di Kemumin dan Selising di Kelantan, HAMIM memperolehi undi yang amat kecil. (53). Di Terengganu pula , di mana pengaruh Ustaz Hadi amat kuat,pengaruh HAMIM boleh dikatakan tiada langsung. Setakat ini, hanya seorang sahaja tokoh PAS Terengganu yang menyertai HAMIM,iaitu Haji Wahab Yunus.

---

(52) Asia Week, 20 November 1981, temuramah dengan Datok Asri, "Religious and politic go hand in hand"

(53) Dalam pilihanraya kecil ini, HAMIM memperolehi undi yang amat kecil dibandingkan dengan PAS dan calon HAMIM hilang wang pertaruhan.

KEMENANGAN UMNO

Encik Wahab telah memberikan beberapa faktor kenapa UMNO mencapai kemenangan dalam pilihanraya-pilihanraya yang diadakan di Binjai. Di samping mengakui bahawa jentera pilihanraya UMNO yang lebih tersusun, beliau juga menggariskan beberapa faktor lain yang kurang sihat;

i) Rasuah politik

UMNO melakukan rasuah politik di mana soal-soal material diberi penekanan utama dalam kempen pilihanraya kepada rakyat.

ii) Pengundi yang berusia 60 tahun keatas

Golongan ini menyokong UMNO secara membuta tuli tanpa mengetahui apakah kepincangan yang berlaku dalam parti tersebut. Untuk menerangkan dasar PAS kepada golongan ini amatlah sukar kerana mereka akan tetap menyokong UMNO di atas dasar fanatik yang membuta tuli tadi.

iii) Pengundi yang berpaling tadah

Encik Wahab mendedahkan ada di antara ahli keluarganya yang dulunya menyokong PAS telah berpaling tadah dengan memberikan sokongan kepada UMNO (Encik Muda) kerana isteri Encik Muda, (tiga pupu kepada Encik Wahab) telah berjaya mempengaruhi keluarga Encik Wahab untuk menyokong suaminya (Encik Muda). Tanpa pengundi-pengundi yang berpaling tadah ini sudah tentu UMNO tidak akan mencapai kemenangan terutamanya dalam pilihanraya kecil yang lalu.



University of Malaya

## CITA-CITA POLITIK

Menyentuh tentang cita-cita politik masa depan, Encik Wahab menyatakan bahawa beliau akan terus memperjuangkan hasrat PAS untuk melihat "the implementation of islamic laws" di Malaysia. Perjuangannya untuk mencapai tujuan tersebut bukan dilakukan untuk kepentingan diri sendiri tetapi atas dasar suruhan islam dan jihad.

## KESAN KEPIMPINAN UMNO DAN PAS DIBINJAI

Beberapa rumusan dapat dibuat mengenai implikasi yang timbul dari kepimpinan elit UMNO dan elit PAS di Terengganu amnya dan di Binjai khasnya. Secara ringkas, kesan-kesan tersebut dapat ditinjau dari beberapa aspek seperti politik, sosio-ekonomi, keugamaan dan aspek kemasyarakatan.

### Politik.

Secara umumnya, kedua-dua golongan elit (PAS dan UMNO) samada disedari atau tidak telah membentuk satu"budaya politik" di Binjai. Pada masa sekarang, setiap lapisan masyarakat di Binjai telah menunjukkan kecenderungan yang mendalam terhadap politik. Topik-topik mengenai politik diperkatakan di mana-mana. Setiap kali menjelang pilihanraya , keadaan ini semakin memuncak, "hal ini adalah wajar kerana bagi anggota masyarakat biasa, persoalan dan minat politik mereka itulebih menonjol bilamana musim pilihanraya diadakan semata-mata". (54)

---

(54) Dr. Hussain Muhammad dalam MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH; Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 11,1982, Proses politik dan pilihanraya di Negeri Terengganu, 1954-1978

Tetapi keadaan ini, samada di Terengganu dan di Binjai telah menjadi satu budaya yang sukar untuk dipisahkan dari kehidupan mereka. Keadaan seperti tidak begitu ketara khususnya dikalangan masyarakat biasa sebelum kemunculan dua golongan elit di atas. Nyatalah kesan kepimpinan UMNO dan PAS amat ketara di Terengganu.

Sosio-ekonomi

Dalam bidang sosio-ekonomi, Binjai mengalami proses pembangunan yang agak sederhana. Ada di antara rancangan pembangunan yang diatur oleh kerajaan ditentang oleh PAS sehingga menimbulkan ketegangan dan konflik di antara penyokong kedua-dua parti. (55) Walau bagaimanapun, tidaklah semua rancangan tersebut ditentang. Mana yang baik diterima seperti pembesaran Sekolah Menengah Ugama Durian Guling, pembinaan masjid, balairaya,padang permainan, bantuan kepada kepada orang-orang miskin dan pembinaan jalan-jalanraya. Tidak syak lagi rancangan ini akan dapat meninggikan lagi taraf hidup rakyat dan diterima dengan baik oleh rakyat.

---

(55) Di Kampong Durian Guling, konflik berlaku diantara PAS dengan UMNO bila kerajaan bercadang untuk meruntuhkan masjid lama apabila masjid baru siap dibina dengan alasan menghindarkan berlakunya sembahyang di dua masjid. PAS menentang dengan alasan bahawa mesjid lama tersebut boleh dijadikan pusat pembacaan al Quran untuk kanak-kanak. Isu ini telah menimbulkan konflik di kampong tersebut.

Keugamaan

Aspek ugama juga turut mengalami perubahan. Keadaan ini berlaku serentak dengan meningkatnya aktiviti-aktiviti politik di Binjai khususnya yang dianjurkan oleh PAS. Malah dapat dikatakan, aktiviti politik tidak dipisahkan lagi dari ugama. Hal ini juga menunjukkan bahawa masyarakat di Binjai sudah menerima peng libatan ugama dalam politik. Dalam kata lain, jika satu waktu dulu sering kedengaran bahawa ugama dan politik tidak boleh bercampor, tetapi ianya tidak lagi diterima umum. Fenomena ini merupakan satu petanda yang baik kerana sebenarnya "religion and politics go hand in hand, bahkan,"politics should be guided by religion".

Bidang keugamaan juga turut terjejas hasil dari konflik PAS - UMNO. Keadaan ini berlaku kerana, tokoh-tokoh politik yang sama-sama mempunyai pengetahuan dalam ugama islam mengeluarkan pendapat yang berlainan mengenai sesuatu isu. Rakyat menjadi"confuse" untuk memilih mana satu pendapat yang betul. Kelainan pendapat ini akhirnya membawa kepada perpecahan di kalangan masyarakat khususnya bagi mereka yang kurang mengetahui hukum-hukum islam yang sebenarnya. Amatlah sukar untuk dinilai samada kedua-dua belah pihak yang berkonflik terutamanya golongan elit dari kedua-dua parti memperkatakan sesuatu dengan jujur dan berpandukan hukum islam yang sebenarnya atau demi kepentingan mereka semata-mata.

Kemasyarakatan

Perpecahan dalam aspek keugamaan telah membawa kesan negatif pula kepada bidang kemasyarakatan . Masyarakat di Binjai dan di Terengganu yang pada suatu masa dulu menikmati kehidupan yang harmoni dan stabil mula berkonflik. Konflik ini pula ternyata sudah mencapai tahap yang membahayakan di mana perpecahan bukan sahaja melanda kelompok masyarakat yang besar malah, institusi asas dalam masyarakat iaitu keluarga turut mengalami perpecahan. Jikalau fenomena negatif ini berterusan, tidak syak lagi perpaduan masyarakat melayu islam di Terengganu akan menanti saat kehancuran.

KESIMPULAN

Kepimpinan PAS dan UMNO di Terengganu dan di Binjai meninggalkan kesan yang amat besar. Nampaknya kesan negatif adalah lebih menonjol jika dibandingkan dengan kesan positif. Konflik antara elit PAS dengan elit UMNO adalah terkawal kerana sebagai ahli politik mereka dapat berfikir dan bertindak secara lebih rasional, jika dibandingkan dengan golongan rakyat biasa. Hal ini tidak berlaku ke atas penyokong kedua-dua parti kerana mereka biasanya lebih dipengaruhi oleh sentimen dalam tindakan mereka. Adalah diharapkan, perpecahan ini akan dapat dibaiki kembali untuk mewujudkan semula situasi yang harmoni, bukannya konflik.

Bab 4

## PENGLIBATAN SOSIO- EKONOMI PEMIMPIN - PEMIMPIN POLITIK DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI - NEGERI BINJAI.

Sebagai anggota masyarakat, pemimpin- pemimpin parti politik di Binjai adalah sentiasa berinteraksi dengan golongan massa. Bagi golongan rakyat, kedudukan 'orang-orang politik adalah lebih tinggi status mereka jika dibandingkan dengan orang-orang biasa. Dengan kata lain, mereka memandangkan golongan politik ini sebagai golongan atasan antara golongan elit. Tokoh-tokoh politik ini bukan saja mendapat status di kalangan rakyat oleh kerana ketokohan mereka dalam bidang politik malah mereka juga berpengaruh besar di dalam aspek-aspek kehidupan yang lain saperti dalam bidang sosial, keugamaan dan ekonomi.

Dalam aspek sosial, tokoh-tokoh politik di Binjai turut sama terlibat. Contohnya, tokoh PAS di Binjai, Encik Abdul Wahab Salleh di samping bergiat cergas dalam politik PAS, turut memegang fungsi penting di kalangan masyarakat Beliau dilantik sebagai Pengerusi Masjid di kampungnya iaitu Kampung Belukar Jambu.Latar belakang pendidikan ugama yang diterimanya semasa belajar di Sekolah Menengah Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu menyebabkan penduduk tempatan menyerahkan tugas tersebut kepada beliau untuk melicinkan lagi aktiviti keugamaan. Di samping itu, beliau juga dipileh menjadi salah seorang ahli jawatankuasa dalam Persatuan Ibubapa dan guru-guru di kampung tersebut.

Encik Muda bin Mamat pula lebih banyak terlibat dalam aktiviti-aktiviti rasmi sesuai dengan jawatannya sebagai wakil rakyat. Walau bagaimanapun, akktiviti tersebut tidaklah memisahkan perhubungannya dengan rakyat. Sebaliknya, tugas tersebut memberi peluang yang luas kepada beliau untuk berinteraksi dengan rakyat kerana beliau merupakan orang perantaraan di mana masalah yang dihadapi oleh rakyat akan dikemukan kepada beliau untuk disampaikan kepada pihak kerajaan. Hasil daripada perhubungan ini, secara tidak langsung dapat meninggikan lagi status sosial beliau di kalangan penduduk Binjai.

Di samping menjadi wakil rakyat dan Pengurusi Biro Ugama UMNO Terengganu, Encik Muda juga menjawat beberapa jawatan lain iaitu;

1- Timbalan Pengurusi Bahagian Perikanan Terengganu

2- Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Tukang Jahit Terengganu

3- Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Teksi Terengganu

4- Ahli Jawatankuasa Pembangunan, Kebajikan dan Pelajaran Terengganu.

Bersesuaian dengan jawatan beliau dalam parti iaitu sebagai Pengurusi Biro Ugama UMNO Terengganu, Encik Muda memberikan perhatian khas kepada bidang keugamaan. Dalam hal ini, satu senarai jadual telah disediakan bertujuan menyelaraskan lawatan beliau keseluruh masjid dan surau yang ada di kawasan Binjai. Kunjungan serupa ini membolehkan beliau mengenali rakyat dengan lebih dekat lagi di samping memperluaskan lagi pengaruh politiknya. **Encik Abdul Wahab(PAS) pula berjaya di bidang**

---

(56) Temubual dengan Encik Muda, menurut jadual yang disusun, beliau akan mengunjungi surau-surau dan masjid di Binjai dua minggu sekali.



University of Malaya

kontraktor. Kejayaan beliau dalam bidang ini menjadikan beliau dipilih sebagai Setiausaha Persatuan Pemborong Binaan Negeri Terengganu. Encik Wahab juga mempunyai hubungan dengan seorang lagi tokoh PAS Terengganu, Ustaz Ghazali Ahmad, Pegawai Perhubungan PAS Terengganu yang juga bergiat dalam bidang ekonomi yang sama. Ustaz Ghazali, tuan punya Syarikat Pembinaan Maha Developement yang beribu pejabat di Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu ternyata bukan sahaja berhubung rapat dengan Encik Wahab Salleh atas kepentingan politik, malah juga untuk kepentingan ekonomi.

Seorang lagi tokoh PAS, Binjai ialah Encik Mohamad Said bin Omar (lebih dikenali sebagai "Cikgu") bekas siswazah Universiti Malaya dalam bidang International Relation. Beliau yang setiausaha PAS Kawasan Hulu Terengganu, bergiat cergas dalam bidang ekonomi. Beliau mempunyai sebuah syarikat pengurusan iaitu M. B. O. (Management Berobjektif). (57). Di samping itu beliau juga memberi kuliah bagi Rancangan Luar Kampus anjuran Institiut Teknologi Mara di Terengganu.

Bagi Encik Muda Mamat pula, beliau lebih banyak menumpukan penglibatan nya dalam bidang pentadbiran Koperasi saperti yang telah dijelaskan. Beliau ternyata kurang berminat untuk melibatkan diri dengan perniagaan lain untuk kepentingan ekonominya saperti mendapatkan lesen untuk menjalankan sebarang bentuk perniagaan. (58).

---

(57). Temubual dengan Cikgu Mohd Said. M. B. O. (Management Berobjektif) juga adalah singkatan nama beliau, Mohamad Said Omar.

(58). Memang berlaku di mana ahli-ahli politik menggunakan kedudukan politik mereka untuk membolot peluang-peluang ekonomi.



University of Malaya

Sebenarnya, beliau enggan berbuat demikian kerana beliau berpendapat gajinya sebagai wakil rakyat sudah mencukupi untuk menyara kehidupannya sekeluarga. (59).

**Kesimpulan:**

Penglibatan sosio-ekonomi tokoh-tokoh politik di Binjai samada dari PAS dan UMNO mempunyai hubungan rapat antara berbagai aspek. Aspek-aspek yang saling berhubungan ini ialah aspek politik, ekonomi, sosial keugamaan. Secara ringkas perhubungan aspek-aspek tersebut dapatlah dicatitkan sebagai berikut; seorang tokoh politik dihurmati kerana pengaruh politiknya ke atas masyarakat. 'Political power' yang ada pada tokoh tersebut memberi kesempatan kepada beliau untuk menceburi bidang ekonomi dan sosial serta aspek keugamaan. Dari sini, jelas dapat dilihat adanya 'mutual interest' yang menghubungkan keempat-empat bidang tersebut. Penglibatan tokoh-tokoh politik di Binjai secara tidak langsung meningkatkan lagi status dan prestij tokoh-tokoh tersebut di kalangan masyarakat.

---

(59). Temubual dengan Encik Muda, beliau berpendapat, jika seseorang wakil rakyat terlibat dengan kegiatan lain sehingga menjejaskan tugasnya kepada rakyat, maka individu tersebut akan berdosa kerana mengabaikan tugasnya.

Jadual viii

PENGLIBATAN SOSIO - EKONOMI PEMIMPIN PARTI

POLITIK KAWASAN BINJAI.

| NAMA | PARTI | JAWATAN DALAM PARTI | KELULUSAN TERTINGGI | PENGLIBATAN SOSIO-EKONOMI |
|---|---|---|---|---|
| Encik Muda Mamat | UMNO | 1- Wakil Rakyat Kawasan Binjai<br>2- Pengerusi Biro Ugama UMNO Terengganu | Universiti Kebangsaan Malaysia,(ekonomi) | 1- Timbalan Pengerusi Perikatan Negeri Terengganu.<br>2- Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Tukang Jahit Terengganu.<br>3. Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Teksi Terengganu.<br>4- AJK Pembangunan Sosial Kebajikan & Pelajaran Terengganu. |
| En:Abdul Wahab Salleh | PAS | 1- Naib Yang Di Pertua PAS, Hulu Terengganu. | Tingkatan Enam, Sek. Men. Ugama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu. | 1- Kontraktor<br>2- Setiausaha Persatuan Pemborong Binaan Terengganu.<br>3- Pengerusi Masjid.<br>4- AJK, PIBG. |
| Mohd Said b. Omar | PAS | Setiausaha Kerja | Universiti Malaya (International Relation) | 1- Pemilik Syarikat Pengurusan M. B. O.<br>2-.Pensyarah Rancangan Luar Kampus,anjuran ITM di Terengganu. |

University of Malaya

CAWANGAN UMNO DAN PAS BINJAI.

UMNO Kawasan Binjai mempunyai 24 buah cawangan rasmi iaitu cawangan yang berdaftar. (60). Melihat kepada jumlah cawangan di atas, sudah tentu UMNO mempunyai anggota yang besar bilangannya di kawasan tersebut. Sebaliknya, PAS pula hanya mempunyai sebanyak 15 cawangan rasmi sahaja.(61). Walau bagaimanapun jumlah cawangan ini bukanlah satu ukuran yang tepat untuk mengukur jumlah ahli bagi kedua-dua parti tersebut. Cawangan-cawangan sementara yang tidak rasmi akan ditubuhkan setiap kali menjelang pilihanraya oleh oleh keuda-dua penyokong parti tersebut di kampong masing-masing. Cawangan sementara ini dinamakan 'markas' dan biasanya ditempatkan di-rumah penyokong kuat parti dan juga di pondok-pondok kecil. Oleh yang demikian selain daripada cawangan yang didaftarkan tersebut, masih terdapat banyak lagi cawangan yang tidak didaftarkan iaitu yang ditubuhkan pada setiap kali pilihanraya.

Menurut Setiausaha Kerja PAS, Hulu Terengganu, Cikgu Mohamad Said beliau menganggarkan jumlah penyokong setia PAS di Binjai ialah lebih kurang 3000 orang. Menurut beliau lagi,cawangan PAS di Kampong Jerong mempunyai ahli paling ramai iaitu lebih kurang 300 orang. Jumlah ahli PAS keseluruhannya semakin bertambah dari masa ke semasa melalui program usrah dan tamrin yang diadakan oleh PAS di bawah kelolaan Cikgu Mohamad Said sendiri.

---

(60). Lihat lampiran; Cawangan UMNO(BN) dalam Dewan Undangan Negeri,Binjai.

(61). Lihat lampiran; Cawangan PAS dalam Dewan Undangan Negeri, Binjai.

STRUKTUR DAN ORGANISASI CAWANGAN PAS DAN UMNO BINJAI.

Cawangan PAS dan UMNO mempunyai struktur dan organisasi yang agak sama. Sesebuah cawangan biasanya dianggotai oleh:-

i - Seorang Ketua.

ii - Seorang Naib Ketua.

iii - Setiausaha.

iv - Bendahari.

v - 2 pemeriksa Kira-kira.

vi - 5 Ahli Jawatankuasa.

vii - Ketua Pergerakan Pemuda.

viii - Ahli-ahli biasa.

Fungsi cawangan.

Antara fungsi-fungsi utama anggota parti sesebuah cawangan ialah:

i - bertanggong jawab menentukan cawangan tersebut bergerak cergas.

ii - bertanggong jawab mengutip yuran dari setiap ahli parti. (62).

iii - Cawangan juga berfungsi sebagai tempat di mana berbagai projek disalurkan untuk sesebuah kampong.

Setiap buah cawangan Parti (samada UMNO atau PAS)akan menghantar dua orang wakil ke mesyuarat Perwakilan Peringkat Kawasan di mana wakil-wakil tersebut akan melaporkan segala masalah dan kemajuan bagi cawangan mereka. (63). Selepas mesyuarat di peringkat negeri dan seterusnya peringkat pusat diadakan.

Dalam kontek mesyuarat perwakilan ini, terdapat sedikit perbezaan

---

(62). Bagi UMNO, setiap ahlinya dikenakan yuran $1/= setahun.

(63). UMNO Binjai biasanya menghantar wakilnya ke Mesyuarat Perwakilan Kawasan Hulu Terengganu yang biasanya diadakan di Dewan Bandaran, Kuala Brang.



University of Malaya

diantara parti PAS dengan UMNO. Bagi PAS, mesyuarat peringkat negeri tidak diadakan tetapi wakil-wakil PAS peringkat negeri terus dihantar untuk menghadiri Muktamar PAS yang biasanya diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Daripada struktur dan organisasi cawangan dua parti saperti di atas, jelaslah bahawa PAS dan UMNO adalah dua parti yang mendapat tempat yang baik dikalangan penduduk Binjai dan sering bersaing di dalam usaha untuk muncul sebagai parti yang berkuasa di Terengganu di mana, "UMNO and PAS were the leading contenders of power" di Terengganu dan juga di beberapa negeri lain di Malaysia.(64).

---

(64). M. Kamlin ; History, politics and electioneering: The Case of Terengganu. Jabatan Sejarah (Department of History) University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia 1977. muka surat 3



University of Malaya

Jadual ix

CAWANGAN UMNO (BN) DALAM KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI, BINJAI.

1. Cawangan Atas Tol
2. Cawangan Belukar Gorek
3. Cawangan Belukar Jambu
4. Cawangan Binjai Rendah
5. Cawangan Bukit Perpat
6. Cawangan Durian Guling
7. Cawangan Gondang/ Sungai Serai
8. Cawangan Jerong Seberang
9. Cawangan Jerong Surau
10. Cawangan Jerong Tuan
11. Cawangan Kedai Buloh
12. Cawangan Kampong Kenanga
13. Cawangan Kampomg Laut
14. Cawangan Lubok Pandan
15. Cawangan Padang Mengkuang
16. Cawangan Surau Haji Daud
17. Cawangan Surau Panjang
18. Cawangan Temiang
19. Cawangan Titian Baru
20. Cawangan Tok Dir
21. Cawangan Tok Pong
22. Cawangan Undang
23. Cawangan Wakaf Tapai
24. Cawangan Cherang China

Sumber; Buku Laporan Persidangan UMNO, Bahagian Hulu Terengganu, kali ke 26.
Halaman 62-63.

University of Malaya

Jadual x

CAWANGAN PAS DALAM DEWAN UNDANGAN NEGERI, KAWASAN BINJAI.

1. Atas Tol
2. Batu 10 + Padang Mengkuang
3. Batu 12 + Durian Guling
4. Binjai
5. Bukit Perpat
6. Gondang + Sungai Serai
7. Jerong Seberang
8. Jerong Surau
9. Jerong Tuan
10. Kedai Buloh
11. Kampong Laut
12. Surau Haji Daud
13. Surau Panjang
14. Tok Dir
15. Wakaf Tapai

Sumber: Cikgu Mohamad Said Bin Omar
Setiausaha Kerja PAS,
Kawasan Hulu Terengganu.



University of Malaya

Jadual xi

STRUKTUR PERINGKAT CAWANGAN

PARTI PAS DAN UMNO, BINJAI




University of Malaya

BAB 5.

KESIMPULAN DAN RUMUSAN.

Kajian ini telah memberikan penumpuan terhadap elit parti PAS dan UMNO di Kawasan Dewan Undangan Negeri Terengganu, Binjai. Kajian yang telah dijalankan juga meneliti aktiviti-aktiviti yang diceburi oleh kedua-dua golongan elit di atas dengan penumpuan khas terhadap kegiatan "berpolitik" mereka di samping kegiatan sosio-ekonomi.

Berdasarkan perbincangan yang telah dibuat adalah jelas menunjukkan bahawa elit politik juga turut terlibat dalam aktiviti-sosio-ekonomi. Encik Muda Mamat (UMNO) dan Encik Wahab Salleh (PAS) selain menjadi ahli politik juga melibatkan diri dalam soal-soal kemasyarakatan, ekonomi dan keugamaan. Secara ringkasnya, elit politik di Binjai dan di Terengganu di samping bergiat dalam politik juga berkebolehan dalam bidang sosio-ekonomi masyarakat.

Kajian ini juga telah menganalisa implikasi yang timbul hasil daripada interaksi sosial yang timbul akibat konflik PAS-UMNO di Terengganu. Penglibatan golongan elit kedua-dua parti dalam konflik di atas turut melibatkan penyokong kedua-dua parti berkenaan. Konflik ini telah mewujudkan "disintegrasi" dalam kehidupan masyarakat Terengganu samada dalam aspek politik itu sendiri juga dalam bidang-bidang lain seperti sosial dan keugamaan. Keadaan ini berlaku kerana kedua-dua pihak saling tuduh menuduh pihak yang satu lagi bertanggong jawab memecahbelahkan perpaduan masyarakat sehingga menimbulkan kekaburan berpolitik (political vague) di kalangan rakyat.

Sesungguhnya, kewujudan konflik di atas dan bahayanya memang tidak dapat dinafikan kerana:

"Adalah menjadi suatu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa bagi sesebuah masyarakat yang berada di peringkat peralihan tradisional-moden itu, konflik politik amat membahayakan". (65). Oleh yang demikian, konflik diatasi segera walaupun ianya bukanlah suatu tugas yang mudah kerana;

"Permusuhan yang sudah sekian lama wujud di antara PAS dengan UMNO khususnya itu tidak pernah dapat diatasi, malahan terus berlanjutan samada secara terbuka atau tidak.(66).

Penyelidikan yang telah dijalankan juga telah melihat struktur cawangan-cawangan PAS dan UMNO serta perjalanan pentadbiran cawangan-cawangan tersebut. Didapati cawangan PAS dan UMNO merupakan jentera penting untuk mengembangkan pengaruh kedua-dua parti tersebut kepada penduduk tempatan.

---

(65). Dr. Husin Mohamad ; Proses politik dan pilihanraya di Negeri Terengganu, 1954 - 1978, dalam Malaysia Dari Sejarah, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil 11, 1982.

(66). Ibid. Halaman 121.



University of Malaya

PENUTUP.

Kajian ini. dirasakan telah berjaya sedikit sebanyak memaparkan pergolakan politik sebenar di Terengganu terutamanya di antara PAS dengan UMNO dan kesan-kesan yang timbul. Oleh kerana kawasan kajian hanya ditumpukan di kawasan Binjai dan di beberapa tempat lain di Terengganu, sudah tentu kajian ini tidak dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang pergolakan di atas. Walau bagaimanapun, adalah diharapkan kajian ini akan menjadi titik permulaan dan panduan kepada kajian-kajian selanjutnya untuk melihat perkembangan politik di Terengganu pada masa akan datang.

University of Malaya

**BIBLIOGRAFI**

**BUKU**


1. Abdul Wahab Hashim - Kepimpinan & Politik UMNO di Kuala Nerus; Satu Analisa Sosio-Politik Dalam Konteks Kepimpinan Politik Terengganu. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

2. Ambak Ismail - Masalah Integrasi Politik Melalui Dasar & Ideologi Parti Islam Se Malaysia, PAS. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

3. Bottomore, T.B. - Elite & Society, London, C.A. Watts, 1964.

4. Braungrat, Richard G. - Society & Politics, Prentice Hall, Inc. Englewood Cliffs, New Jersey, 1976.

5. Coser, Lewis A. - Political Sociology, Harper & Row Publishers, New York, 1976.

6. Datok Perwira Negara - Tuduhan Kafir Sesama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Terengganu, 1981.




University of Malaya

7. Geraint, Parry - Political Elite, New York, Oxford University Press, 1976.

8. Ibrahim Haji Abdullah - Elit Politik dan Elit Ekonomi di Kelantan. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976.

9. Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya, T. Melayu - Penyata-Penyata Pilihanraya, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

10. Laswell, Harold E. - Political Writings, Greenwood Press, 1979.

11. Lehman, Edward E. - Political Society, A Micro-Sociology of Politics. Columbia University Press, New York, 1977.

12. Mackenzie, W.J.M. - Political and Social Sciences, Penguins Book, C. Nicholas & Company Ltd. Great Britain, 1969.

13. Mohamad Husin Wan Chik - The Elite Network Among Malays; a short survey, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

14. M. Kamlin - History, politics & electioneering; The Case of Terengganu, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977.

15. Mills. C. Wright - The Power Elite, New York, Oxford Uni. Press, 1976.

16. Parekh, Bikhu - The Morality of Politics, George Allen & Unwin Ltd. London, 1972.

17. Persatuan Sejarah Malaysia - Malaysia Dari Segi Sejarah, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 11, 1982.

18. Robert D. Putnam - The Comparative Study of Political Elites, Englewood Cliffs, N.J. Prentice-Hall, 1976.

19. Rush, Michael - An Introduction to Political Sociology, Western Printing Services Ltd. Bristol, Great Britain , 1971.



University of Malaya

20. Singer, M.B. - *The Emerging Elite*, MIT Press, 1964.

21. Terengganu - *Kemajuan Negeri Terengganu*, 1976-1980 , Kum Printers Sdn. Bhd. Peteling Jaya, Selangor, 1980.

22. Tilman R.O. - *Bureaucratic Transition in Malaya*.

**MAJALAH, AKHBAR DAN RISALAH.**

23. Asia Week - 20 November 1981.

24. __________ - Coping With The Fire, 17 Disember 1982.

25. Jabatan Ugama Islam Terengganu - Carilah Kebenaran, Jilid 5.

26. Panji Masyarakat - July 1983.

27. Pergerakan Pemuda UMNO - Laporan Kemajuan Pergerakan Pemuda UMNO, Bahagian Hulu Terengganu, 1979-1980.

28. Sunday Star - Battlefield Binjai, 5 Disember 1982.

29. UMNO - Persidangan Perwakilan UMNO, Bahagian Hulu Terengganu kali ke 26, Pejabat Setiausaha UMNO, K. Berang, 1982.

30. 6666 - Laporan projek-projek kecil di kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri, Binjai.

31. Utusan Malaysia - 27 July 1982.

32. ____________ - Memburu Emas Hitam Di Terengganu Atas Nama Jihad, 6 Disember 1982.

BIOGRAFI RESPONDEN UTAMA

ENCIK ABDUL WAHAB SALLEH

Calon PAS bagi pilihanraya Dewan Undangan Negeri Terengganu, Kawasan Binjai pada tahun 1978,1982 dan pilihanraya kecil 1982, Setiausaha Pemborong Binaan Negeri Terengganu.

ENCIK GHAZALI HAJI AHMAD

Setiausaha Perhubungan PAS Terengganu,

Calon PAS dalam pilihanraya umum 1982 bagi Dewan Undangan Negeri, Kawasan Kuala Berang.

ENCIK MOHAMAD SAID

Setiausaha Kerja PAS, Bahagian Hulu Terengganu.

Pensyarah Pengajian Luar Kampus (ITM), Terengganu.

ENCIK MUDA BIN MAMAT

Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu, Kawasan Binjai,

Pengurusi Biro Ugama UMNO Terengganu.

ENCIK RAMLI BIN MUHAMAD

Pemeriksa Kira-Kira UMNO Cawangan Kampong Cherang China, Batu 13½, Jalan Kuala Berang.

ENCIK MOHAMAD BIN TAHIR

Setiauasaha Pemuda UMNO, Cawangan Kampong Durian Guling.

**ENCIK WAHAB SALEH**

Setiausaha Pemuda PAS, Cawangan Kampong Durian Guling.

**CALON PAS**

Bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri, Langkap

**KAKITANGAN**

Di Pejabat UMNO, Binjai Rendah dan di Pejabat UMNO Kuala Berang.

**KAKITANGAN**

Di Pejabat Perhubungan PAS, Jalan Wireless, K. Terengganu.

University of Malaya